ڤتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SATU lagi faktor penting menuju pembangunan yang berdaya tahan ialah, peningkatan produktiviti di dalam sektor awam dan swasta dengan penggunaan teknologi terkini dan pelaburan dalam penyelidikan dan inovasi."
- Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-65 Tahun pada 13 Sya'aban 1432 Hijriah bersamaan 15 Julai 2011 Masihi.

# Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA berjayalah orang-orang beriman, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang mereka."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Mu'minun ayat 1-2).

TAHUN 60 / BILANGAN 58 | 16 MEI 2015 / 1436 رجب 27 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

## DPPW menerima mengadap Perutusan Khas Presiden Republik Kazakhstan

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 13 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan hari ini menerima mengadap Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Kazakhstan dan Perutusan Khas kepada Presiden Republik Kazakhstan, Tuan Yang Terutama Askar Mussinov di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Pada Majlis Mengadap tersebut, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama berbincang mengenai hubungan dua hala.

TYT Askar Mussinov berada di negara ini bagi lawatan selama sehari.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerima mengadap Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Kazakhstan dan Perutusan Khas kepada Presiden Republik Kazakhstan, Tuan Yang Terutama Askar Mussinov. - Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan**

### Skim Perkhidmatan Penghulu, Ketua Kampung 2013 dikuatkuasakan 1 April 2015

# Tanda pengiktarafan

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 14 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penguatkuasaan Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung tahun 2013 bermula 1 April 2015 bagi menggantikan Skim Tahun 1998.

Baginda seterusnya juga telah memperkenankan langkah pengemaskinian pendaftaran pengundi dan tatacara pengundian bagi pemilihan Ketua Kampung.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan perkara tersebut pada Majlis Taklimat Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung yang baru di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Tujuan utama Skim Perkhidmatan baru itu jelas Yang Berhormat, ialah bagi mempertingkat, memperkukuh dan memantapkan lagi kewibawaan, mutu atau kualiti kepimpinan serta keberkesanan Institusi Penghulu dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi dengan memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Institusi Penghulu dan Ketua Kampung yang diakui atau diiktiraf sebagai teras kepimpinan akar umbi yang berwibawa, tegas Yang Berhormat, perlu sentiasa diperkukuh dan dimantapkan.

Yang Berhormat berpendapat, cara untuk memperkukuh dan memantapkannya ialah dengan sentiasa menjamin adanya kepimpinan yang bermutu lagi berkesan oleh Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan di peringkat akar umbi.

Maka menurut Skim baru ini tambahnya, orang yang pada masa ini menyandang jawatan Penghulu dan Ketua Kampung dan orang yang pada masa hadapan dilantik ke jawatan Penghulu dan Ketua Kampung adalah dan hendaklah individu yang berkebolehan membawakan kepimpinan yang berkesan dan berkualiti kepada anak buah masing-masing di mukim dan di kampung.

Ke muka 24

## Strategi pendidikan utamakan pembelajaran sepanjang hayat

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 14 Mei. - Dalam usaha mencapai Wawasan Brunei 2035, strategi pendidikan mengutamakan program-program yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan meluaskan akses kepada pendidikan tinggi, selain menggalakkan penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam kedua-dua institusi kerajaan melalui perkongsian serantau dan antarabangsa, dan menerima pakai kaedah kos efektif untuk mendidik rakyat melalui penggunaan teknologi.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, Wawasan Brunei 2035 bertujuan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang diiktiraf secara meluas dalam pencapaian rakyatnya yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Berucap pada Majlis Penutup Cabaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Inovasi Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 sempena 100 Tahun Pendidikan Formal di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Pusat Belia, di sini, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, melalui aspirasi itu Kementerian Pendidikan menyedari akan kepentingan sumber tenaga daripada ahli-ahli sains, jurutera, ahli teknologi, ahli matematik, pereka dan usahawan.

Walau bagaimanapun terangnya, trend menunjukkan bilangan *enrolment* pelajar dalam bidang ini di peringkat sekolah menengah masih rendah seperti yang terbukti melalui peratusan pelajar yang memilih aliran sains dan peratusan keseluruhan masih di bawah sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kementerian.

Ke muka 24



Muka 3

TAMBAHAN 10 juta liter air kawasan Muara



Muka 4

JURURAWAT perlu profesional, dedikasi

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn Hotline: 2383941 Faksimile: 2381004

# Tulisan Jawi khazanah kemegahan kita

**Bismillahir Rahmannir Rahim**
**Assalamu'alaikum**
**Warahmatullahi Wabarakatuh**

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'a1a kerana dengan izin-Nya juga kita dapat sama-sama hadir di Majlis Pelancaran Buku Antologi Sajak Patriotik Jawi dan Penyampaian Sijil Seni Khat Nasakh bagi Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah Kerajaan dan Swasta Senegara pada petang ini.

Saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para pelajar yang telah berjaya menghasilkan sajak-sajak yang terkandung dalam buku antologi yang akan dilancarkaan sebentar lagi. Kejayaan ini sungguh besar maknanya kepada kita semua kerana para pelajar dari peringkat rendah dan menengah telah menyumbangkan karya mereka untuk memperkaya khazanah sajak dan ilmu di negara ini.

Tahniah juga saya ucapkan kepada para peserta Bengkel Kaligrafi Jawi yang akan menerima sijil-sijil mereka pada petang ini. Kemahiran ini diharap akan dapat memberi manfaat yang besar dalam meningkatkan keupayaan diri selaku seorang tenaga pengajar di samping mendalami lagi kemahiran ilmu khat Jawi.

Penghargaan yang setinggi-tinggi juga saya berikan kepada pihak penganjur dan ahli jawatankuasa di atas inisiatif dalam mengungkayahkan penerbitan buku Antologi Sajak Patriot Muda Hubbul Watan dan menganjurkan Bengkel Kaligrafi Jawi bagi guru-guru bahasa Melayu senegara yang bagi saya adalah sangat bertepatan dalam usaha kita mengukuhkan penggunaan tulisan Jawi di negara ini.

Apabila agama Islam bertapak di Nusantara kira-kira 700 tahun yang dahulu, landskap rantau ini telah mulai mengalami perubahan besar dalam sistem kehidupan masyarakat Melayu. Perubahan itu merangkumi perubahan sistem penulisan. Masyarakat Melayu telah mula menggunakan skrip baru yang dinamakan tulisan Jawi. Aksara Jawi yang diambil dan disesuaikan dari aksara Arab telah memainkan peranan yang besar dalam kehidupan orang Melayu kerana tulisan ini digunakan dalam urusan harian, persuratan rasmi dan media untuk mempelajari dan menyebarkan agama Islam khasnya dalam mempelajari Al-Qur'an. Tulisan Jawi telah menjadi sebahagian daripada tamadun bangsa Me1ayu. Batu Tarsilah yang terdapat di negara kita seawal 440 Hijrah / 1048 Masihi dan surat-surat perjanjian awal negara kita dengan pihak asing adalah bukti sejarah yang menunjukkan kewujudan tulisan Jawi. Wa1au bagaimanapun, di rantau ini fungsi tulisan Jawi itu semakin pudar dengan kehadiran tulisan Rumi yang telah mengambil alih sebahagian besar fungsi tulisan Jawi.

Namun kedudukan tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam tetap kukuh dan tetap berada di kedudukan yang tinggi sehingga hari ini. Malah dokumen Permasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dimaktubkan dalam versi bahasa Melayu dalam dua bentuk tulisan, iaitu tulisan Jawi dan tulisan Rumi. Tulisan Jawi sama sekali tidak pernah terpinggir dalam Sistem Pendidikan Negara hingga ke hari ini. Peranan tulisan Jawi sebagai *medium* dalam pendidikan agama Islam pula telah memperkukuh lagi kedudukan tulisan Jawi. Dalam pentadbiran pula kedudukan tulisan Jawi terus diperkukuhkan dengan menjadikannya sebahagian daripada peraturan seperti terkandung daram Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 21/1988 yang menggariskan peraturan penggunaan tulisan Jawi dalam urusan kerajaan dan swasta termasuk perniagaan.



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap pada Majlis Pelancaran Buku Antotogi Sajak Patriotik Jawi dan Penyampaian Sijil Bengkel Seni Khat Nasakh di Songket Ballroom, Tingkat 4, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong pada hari Isnin, 22 Rejab 1436 Hijrah bersamaan 11 Mei 2015 Masihi.**

Menyedari akan pentingnya kemahiran tulisan Jawi sebagai asas dalam membantu pembelajaran Al-Qur'an dan kehidupan seorang Islam di negara ini, asas pengetahuan tulisan Jawi telah diperkenalkan dalam Kurikulum Bahasa Melayu dan Ugama, Sekolah Rendah dengan harapan pelajar-pelajar Tahun 2 dalam Pendidikan Umum akan memasuki sekolah ugama dengan kemahiran Jawi bagi mempermudah mengikuti pembelajaran Al-Qur'an. Walau bagaimanapun, dengan ruang waktu yang terhad, di sekolah, para ibu bapa dan penjaga perlulah membantu pelajar-pelajar meningkatkan kemahiran ini di luar waktu persekolahan.

Oleh sebab itu, langkah pihak penganjur menjayakan kedua-dua usaha yang kita raikan ini merupakan tanda dan bukti sokongan, iaitu sokongan yang padu kita dalam usaha memperkasa dan memartabatkan tulisan Jawi peringkat nasional.

Pada tahun lalu semasa merasmikan Persidangan Serantau Tulisan Jawi dan Arab anjuran Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), saya telah menyebut tentang evolusi perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi adalah salah satunya yang membawa cabaran hebat yang memerlukan untuk kita secara bijak mengambil langkah-langkah strategik dalam menangani dan menjadikannya sebagai peluang untuk melonjakkan lagi penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi. Apa yang ingin saya sampaikan adalah kita boleh mengubah cabaran hebat ICT itu kepada peluang yang berharga untuk memartabatkan tulisan Jawi.

Pada hemat saya, di antaranya ialah meneroka keupayaan pusat-pusat pengajian tinggi melalui Penyelidikan dan Perkembangan (R&D) untuk mencipta *software* atau aplikasi yang mesra pengguna untuk memudahkan pembelajaran, pengajaran serta penggunaan tulisan Jawi, yang boleh menarik minat terhadap penggunaannya dan dapat meluaskan lagi penggunaan tulisan Jawi dalam urusan harian. Ciptaan aplikasi berbentuk permainan yang menarik umpamanya akan dapat menimbulkan minat kanak-kanak untuk memahami dan menguasai tulisan Jawi juga perlu difikirkan dan diteroka secara serius. Saya yakin kita mempunyai para sarjana dan pencipta atau pihak-pihak tertentu yang secara serius menunduki perkara ini dan akan mampu mengangkat tulisan Jawi itu kembali menjadi satu *medium* yang digemari oleh segenap lapisan masyarakat.

Seterusnya, saya berharap untuk melihat lebih banyak lagi kajian-kajian mendalam dan bahan-bahan penulisan di peringkat tinggi yang mengkhusus dalam penyelidikan tentang tulisan Jawi, termasuk mengenai sejarah, fungsi, kaedah penulisan dan langkah-langkah pengukuhan dan pengembangannya. Ini sangat penting agar tulisan Jawi akan tetap relevan sebagai tulisan yang benar-benar berfungsi dalam dunia keilmuan dan tamadun bangsa Melayu di negara ini. Kita tidak mahu tulisan Jawi itu akan hanya dikenali sebagai khazanah yang menjadi kemegahan kita tanpa nilai intelektual. Adalah menjadi satu ironi bahawa beberapa orang cendekiawan penutur bukan Melayu kontemporari seperti Profesor Kang Kyoung Seok dari Korea, Dato Annabel Gallop dari United Kingdom yang mengabdikan masa mereka untuk menjadi pakar dalam tulisan Jawi dan Naskhah Manuskip Melayu.

**Ke muka 8**

Dari Sidang Pengarang.

**16 MEI 2015 BERSAMAAN 1436 رجب 27**

## SEBAGAI SATU PENGIKTIRAFAN

**SKIM** baru bagi Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung tahun 2013 telah dikuatkuasakan bermula 1 April 2015 bagi menggantikan Skim Tahun 1998.

Skim ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai langkah pengemaskinian pendaftaran pengundi dan tatacara pengundian bagi pemilihan Ketua Kampung.

Perkara ini telah dimaklumkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Majlis Taklimat Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung pada 14 Mei lepas di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Tujuan utama Skim Perkhidmatan baru ini ialah bagi mempertingkat, memperkukuh dan memantapkan lagi kewibawaan, mutu atau kualiti kepimpinan serta keberkesanan Institusi Penghulu dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi dengan memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerana Institusi Penghulu dan Ketua Kampung diakui atau diiktiraf sebagai teras kepimpinan akar umbi yang berwibawa yang perlu sentiasa diperkukuh dan dimantapkan. Cara untuk memperkukuh dan memantapkannya ialah dengan sentiasa menjamin adanya kepimpinan yang bermutu lagi berkesan oleh Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai teras kepimpinan di peringkat akar umbi.

Skim baru ini merangkumi perubahan skop fungsi tugas, struktur pangkat dan juga syarat-syarat kelayakan termasuk dari segi kelulusan akademik, tempoh perkhidmatan, tangga gaji, tatacara penilaian prestasi, cuti, keistimewaan-keistimewaan,di samping mengemaskinikan lagi peranan dan tanggungjawab Penghulu dan Ketua Kampung yang lebih komprehensif dan juga pembaharuan dari segi skim-skim perkhidmatan secara bertingkat dengan kenaikan-kenaikan pangkat tertentu mengikut syarat-syarat yang telah disediakan.

Bagi meneliti dan menimbangkan sokongan-sokongan mengenai semua perkara yang berhubung dengan hal ehwal perjawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung ini, sebuah badan bertaraf lembaga juga ditubuhkan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung itu berperanan sebagai pentadbir dan mengurus hal ehwal yang berkaitan dengan penyerapan, kenaikan pangkat, tatatertib dan pengisian jawatan. Ia juga adalah bagi meneliti dan menimbangkan kes-kes yang melibatkan perlanggaran peraturan-peraturan dan disiplin kerja dalam kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.

Skim baru ini juga adalah sebagai tanda pengiktirafan kepada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung sebagai kepimpinan diperingkat akar umbi sebagimana yang dihasratkan. Melalui skim baru ini, insyaAllah peranan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung akan lebih berkesan dan efektif dan sekali gus dapat mempertingkatkan dan memantapkan lagi tugas dan tanggungjawab serta kualiti kepimpinan dan keberkesanan institusi sekali gus mengukuhkan teras kepimpinan diperingkat akar umbi untuk jangka panjang bagi mendukung kepimpinan Kebawah DYMM dan kerajaan baginda.

Apa yang penting melalui skim baru ini, para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, dalam waktu yang sama Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung akan dapat memainkan peranannya dengan lebih baik sebagai badan penggerak kemasyarakatan kerana ia adalah menjadi pemangkin kepada kepimpinan peringkat akar umbi.

Kepimpinan mereka bukan setakat tahu membuat sokongan atau menurunkan tanda tangan sahaja atau cuma setakat menyampaikan pencen-pencen tua dan bantuan-bantuan kebajikan, tetapi seharusnya menyeluruh dalam semua bidang ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan dan ugama. Dan apa yang lebih penting juga ialah komitmen dan budi bicara penghulu dan ketua kampung dalam memeduli susah senang anak buah, tanpa perlu menunggu mereka datang mengadu.

Sebagaimana yang pernah dititahkan oleh Kebawah DYMM, bahawa kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan sesebuah mukim dan kampung adalah terletak pada sejauh mana kepimpinan itu berlaku pada anak buah mukim dan kampung itu sendiri dan jika kepimpinan itu baik dan maju pasti kesannya juga akan membuahkan kebaikan dan kemajuan. Mudah-mudahan hasrat baginda ini akan terus ditanai dengan baik oleh para pemimpin akar umbi dan seterusnya kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini akan terus terjamin. Amin!**- Ketua Penyuntingan (Zs).**





SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

**Pemberitaan/Rencana**
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahhmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani,
Muhammad Hidayatullah Zahari

**Ketua Bahagian Pelita Brunei**
Sastra Sarini Haji Julaini

**Ketua Penyuntingan**
Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Samle Haji Jait

**Penyemakan**
Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

**Juruteknik Foto**
Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin

**Penyuntingan**
Samle Haji Jait,
Nurhamizah Hassim,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad

**Pereka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar


| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 123 | 2380214 |

# Tambahan 10 juta liter air kawasan Muara

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Masri Osman



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman ketika merasmikan Loji Rawatan Air Mengkubau.

**MENTIRI,** Rabu, 13 Mei. - Bagi memastikan keperluan dan bekalan air yang berterusan di kawasan Muara dan sebahagian Mukim Kota Batu, tambahan sebanyak 10 juta liter air bersih sehari adalah diperlukan.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa melawat Loji Rawatan Air Mengkubau.

Bagi mencapai matlamat itu, projek menambah dan menaik taraf ke atas Loji Rawatan Air Mengkubau telah pun dijalankan dan siap pada bulan Februari tahun ini.

Pada pagi tersebut telah berlangsung Majlis Pembukaan Rasmi Penaiktarafan Loji Rawatan Air Mengkubau yang dirasmikan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman di Loji Rawatan Air Mengkubau, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam temu bual bersama para media antara lain menjelaskan, loji di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 ialah untuk merawat air yang diperlukan oleh 4,000 perumahan di Panchor / Mangkubau memandangkan di sini memerlukan air yang bersih dan yang dirawat.

"Projek itu telah pun dijalankan sejak tahun 2013 dan siap pada tahun ini, iaitu siap dalam masa dua tahun. Syukur Alhamdulillah dengan adanya projek yang sudah siap itu, masalah pembekalan air di Kampung Mengkubau tidak lagi akan timbul kerana *existing facilities* tidak mencukupi," menurutnya.

Menyentuh tentang projek-projek lain yang dijalankan, Yang Berhormat menjelaskan, projek merupakan yang terakhir dan pada masa ini, pihak-pihak yang berkenaan telah menjalankan penggantian paip-paip yang lama agar dapat membekalkan air di kawasan yang memerlukan.

Walau bagaimanapun tambahnya, kalau ada kawasan-kawasan perumahan baru lagi yang memerlukan tambahan dari segi loji rawatan, pihak kementerian akan membuat perancangan untuk loji rawatan tersebut.

Terdahulu itu, dalam ucapan alu-aluan Pemangku Ketua Pengarah, Kerja Raya, Chua Pheng Keong antara lain berkata, Loji Rawatan Air Mengkubau mula beroperasi pada awal tahun 2000 hingga awal tahun 2014 dengan menggunakan sumber air mentah daripada Empangan Mengkubau.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi ketika melawat makmal Loji Rawatan Air Mengkubau.

Tambahnya, loji tersebut berkeupayaan menghasilkan 27.3 juta liter air bersih sehari bagi menampung keperluan air di kawasan Muara dan sebahagian Mukim Kota Batu dan penghasilan air itu juga adalah mengikut Piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga menyaksikan E-Pameran dan video promosi mengenai proses rawatan dan penjimatan air dan seterusnya membuat lawatan ke makmal Mengkubau baru dan loji rawatan.

Projek tersebut dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perkhidmatan Air, JKR telah berjaya meningkatkan penghasilan air bersih ke tahap yang diperlukan, iaitu sebanyak 37.3 juta liter air bersih sehari bagi menampung keperluan orang awam di kawasan tersebut pada masa ini.

Prestasi operasi dan kecekapan loji juga telah pun dipertingkatkan dan melaluinya juga sebuah bangunan serbaguna baru telah dibina di mana ia menempatkan makmal dan surau.

Dalam pada itu, JKR juga berhasrat untuk mengadakan program lawatan seperti lawatan murid-murid sekolah kerajaan dan swasta yang dirancang oleh pihak jabatan bagi memberikan pengetahuan mengenai bekalan air di negara ini dengan memperkenalkan proses rawatan air dari air mentah ke air bersih dan juga pentingnya air.

Projek itu dihasratkan dapat merealisasikan visi Jabatan Perkhidmatan Air, iaitu 'Water For All' dan juga misi Jabatan Perkhidmatan Air dalam 'Memberikan Bekalan Air yang Berterusan' serta 'Memastikan Kualiti Air adalah menurut Piawaian WHO'.

Pada masa yang sama dapat menanamkan rasa kesedaran betapa berharganya air dan kepentingan air dalam kehidupan seharian.

Juga hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Pemangku Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Awang Haji Marzuki bin Haji Mohsin, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua bahagian / unit serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

# Kunjungan hormat bersama Menteri Hal Ehwal Ugama





MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman ketika menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Rusia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos (kanan) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke negara ini yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Craig Boyd Allen (kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Mei. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman baru-baru ini telah menerima kunjungan hormat secara berasingan daripada dua orang ketua perwakilan luar negara yang baru dilantik ke negara ini.

Majlis berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis, Berakas.

Yang Berhormat mula-mula menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Rusia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos.

Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 9 Mac 2015.

TYT Vladlen Stanislavovich Semivolos pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah di Jabatan Kerjasama Asia dan Pasifik di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Persekutuan Rusia.

Kemudian diikuti kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, Tuan Yang Terutama Craig Boyd Allen.

Tuan Yang Terutama Craig Boyd Allen telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 9 Mac 2015.

TYT Craig Boyd Allen pernah berkhidmat sebagai Timbalan Penolong Setiausaha bagi China di Jabatan Perniagaan, Amerika Syarikat.

Majlis tersebut merupakan salah satu usaha ke arah meningkatkan lagi persefahaman serta kerjasama yang erat di antara kedua-dua buah negara dan merupakan satu wadah untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman dalam perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Juga hadir pada kunjungan hormat tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Timbalannya, Awang Haji Harun bin Haji Junid.

# Acara Keagamaan Sempena Hari Jururawat A'bangsa 2015

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**MADANG**, Isnin, 11 Mei. - Kementerian Kesihatan mengadakan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Doa Arwah, Doa Khusus dan Sembahyang Isyak sempena Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa yang disambut pada 12 Mei setiap tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan Datin Paduka.

Majlis yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Kampung Manggis / Madang itu bermula dengan Sembahyang Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid berkenaan, Imam Awang Haji Jofri bin Haji Abidin.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, Bertahlil, Doa Arwah, Membaca Doa Khas dan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis juga turut diserikan dengan Dikir Marhaban bagi meraikan lima jururawat saudara baru dari Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait yang telah memeluk agama Islam.

Majlis Jururawat Antarabangsa (International Council Nurses – ICN) pada tahun ini memilih tema 'Nurses : A Force for Change : Care Effective, Cost Effective' untuk Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa 2015.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Kesihatan, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua pengarah, pengarah-pengarah serta para jururawat dan bidan di bawah Kementerian Kesihatan.



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Doa Arwah, Doa Khusus dan Sembahyang Isyak sempena Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa.**

# Jururawat perlu profesional, dedikasi

**Oleh : Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa berucap di Majlis Penghargaan Jururawat sempena Hari Jururawat Antarabangsa.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Mei. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof antara lain berkata, Majlis Penghargaan Jururawat sempena Hari Jururawat Antarabangsa diadakan adalah sebagai penghargaan dan tanda penghormatan kepada keseluruhan profesional jururawat dan bidan bagi menghargai khidmat bakti, sumbangan, jasa murni serta pengorbanan para jururawat dalam menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan secara profesional dan dedikasi.

Yang Berhormat menambah, tema 'Nurses : A Force for Change : Care Effective, Cost Effective' menekankan betapa pentingnya peranan para jururawat untuk membuat perubahan yang boleh membawa kepada penjagaan kesihatan yang efektif dan kos efektif.

Melalui tema itu, menurut Yang Berhormat, jururawat berperanan penting dalam sama-sama bekerjasama mendukung dan melaksanakan inisiatif bagi menjayakan Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat juga menyarankan agar para jururawat akan sentiasa menanai peranan dan tanggungjawab untuk bekerja menurut Nursing Procedure Manual yang telah ditetapkan.

"Para jururawat perlu sentiasa menghayati dan mempraktikkan kod Tatasusila Profesional bagi Jururawat dan Bidan Berdaftar dan Kod Etika bagi Jururawat dan Bidan Berdaftar," jelas beliau.

Yang Berhormat berkata demikian pada Majlis Penghargaan Kejururawatan sempena Hari Jururawat Antarabangsa 2015 di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, berucap ketika melancarkan Lencana Lembaga Jururawat bagi Negara Brunei Darussalam atau Nursing Board for Brunei sempena sambutan berkenaan, Yang Berhormat menerangkan lencana tersebut bakal diguna pakai oleh semua jururawat yang berkhidmat di sektor kerajaan atau swasta yang berdaftar dengan Lembaga Jururawat di negara ini.

"Lencana itu adalah sebagai simbol pengiktirafan dan pengenalan identiti yang menunjukkan profesionalisme dalam bidang kejururawatan di negara ini yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi melayakkan jururawat tersebut berdaftar dan digelar sebagai Registered Nurse (RN), menurut peruntukan di bawah Seksyen 4(h), Akta Pendaftaran Jururawat dan dari Peraturan-Peraturan 6 (1) Peraturan Pendaftaran Jururawat 2014," jelas beliau.



**MENTERI Kesihatan menyampaikan anugerah kepada salah seorang jururawat.**

Manakala itu, berucap bagi Anugerah Jururawat Cemerlang kepada Jururawat-Jururawat Cemerlang, menurut Yang Berhormat, anugerah tersebut adalah bertujuan bagi mengiktiraf dan memberikan penghormatan serta menzahirkan penghargaan setinggi-tingginya ke atas khidmat bakti cemerlang yang diberikan oleh jururawat termasuk bidan di Kementerian Kesihatan di negara ini.

"Anugerah yang diberikan bukan saja merupakan satu pengiktirafan yang tinggi ke atas perkhidmatan yang diberikan, tetapi juga ia adalah sebagai pemangkin dan penyuntik semangat khusussnya kepada semua peringkat profesional jururawat serta bidan untuk terus melipatgandakan usaha bagi memantapkan kualiti, efisiensi dan keberkesanan perkhidmatan," ujarnya.

Beliau menambah, adalah menjadi harapan untuk terus memartabatkan imej dan nama baik profesion kejururawatan di negara ini sebagai profesion yang mulia, berintegriti, dihormati dan berterusan melaksanakan amalan-amalan yang terpuji lagi mulia.

Para penerima anugerah ini akan menjadi contoh teladan yang baik atau *role model* kepada semua peringkat kejururawatan dan bidan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan Pendidikan.

# Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Nepal kumpul BND6,218



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menerima sumbangan derma yang diserahkan oleh Pengarah Urusan Cityneon, Dato' Jack Ting.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Mei. - Sebanyak BND6,218 berjaya dikumpulkan bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Nepal bagi membantu meringankan beban penderitaan penduduk yang ditimpa musibah itu.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak BND5,618 adalah termasuk sumbangan yang diterima oleh Cityneon Brunei.

Penyampaian sumbangan tersebut diserahkan oleh Pengarah Urusan Cityneon, Dato' Jack Ting kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah pada majlis yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KKBS, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

# Jerayawara PKBN 18 - 20 Mei 2015

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 13 Mei.- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara akan mengadakan jerayawara ke arah mendedahkan secara meluas kepada orang ramai serta pelbagai lapisan penduduk di negara ini terutama sekali kepada para belia dan ibu bapa yang berminat untuk menyertai Pengambilan Kelima, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) nanti.

Jerayawara berkenaan akan diadakan pada 18 hingga 20 Mei 2015 di KB Sentral Shopping Centre bermula pukul 10 pagi hingga 9 malam.

Bahagian Khidmat Bakti Negara ingin mengalu-alukan para belia di Daerah Belait khususnya dan di daerah-daerah lain amnya yang berminat untuk menyertai atau mengetahui lebih lanjut lagi untuk hadir di jerayawara tersebut di atas.

Dimaklumkan juga kepada orang ramai tetutama sekali para belia di ke semua daerah bahawa jika memerlukan keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia PKBN melalui talian telefon : 2340033 / 2340045 atau faksimile : 2341722.

# Persidangan SEAMEO Ke-48 bincang tujuh bidang keutamaan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menghadiri Persidangan Majlis Petubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO) ke-48 yang diadakan di Chonburi, Thailand.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 9 Mei. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong diiringi sama oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman telah menghadiri Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO) Ke-48 yang diadakan di Chonburi, Thailand dari 6 hingga 8 Mei 2015.

Persidangan Majlis SEAMEO ini adalah Mesyuarat Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara yang diadakan dua tahun sekali. Pada persidangan tahun ini Menteri Pendidikan dan Latihan Viet Nam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Pham Vu Luan telah menyerahkan jawatan Pengerusi persidangan kepada Menteri Pendidikan Thailand, Tuan Yang Terutama Laksamana Narong Pipatanasai. Menteri Pendidikan Thailand akan menjadi Presiden Majlis SEAMEO Ke-48 selama tempoh dua tahun, iaitu 2015 hingga 2017.

Persidangan itu turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Pendidikan dari Malaysia, Republik Indonesia, Republik Singapura dan Timor Leste serta Naib Menteri-Menteri dari Kemboja, Laos, Myanmar dan Republik Filipina. Pengarah dan pegawai-pegawai utama daripada Pusat Serantau SEAMEO juga menghadiri persidangan itu.

SEAMEO merupakan badan pembuat keputusan tertinggi Menteri-Menteri SEAMEO yang menentukan dasar-dasar umum dan hala tuju strategik pertubuhan. Badan ini terdiri daripada 11 buah negara anggota dari rantau Asia Tenggara, lapan Ahli Bersekutu dan tiga Ahli Gabungan. Sehingga kini, SEAMEO telah menubuhkan 20 pusat-pusat serantau di seluruh Asia Tenggara, termasuk Pusat Serantau SEAMEO untuk Pendidikan Vokasional dan Teknikal (SEAMEO VOCTECH) di Negara Brunei Darussalam.

Majlis telah meluluskan permohonan daripada Pertukaran Antarabangsa Persatuan Pendidikan China (CEAIE) untuk menjadi ahli *affiliate*. Pengisytiharan rasmi CEAIE sebagai Ahli Affiliate SEAMEO dilakukan semasa sesi pleno persidangan itu.

Persidangan Majlis SEAMEO Ke-48 membincangkan Pendidikan Agenda bagi Asia Tenggara (2015-2035) dan tujuh bidang keutamaan yang akan dilaksanakan oleh SEAMEO pada dekad akan datang, iaitu penjagaan awal kanak-kanak dan pendidikan, menangani halangan kepada kemasukan, daya tahan dalam menghadapi kecemasan, mempromosikan pendidikan teknikal dan vokasional dan latihan, pendidikan guru, pengharmonian pendidikan tinggi dan penyelidikan, dan menerima pakai kurikulum abad Ke-21.

Turut dipaparkan dalam persidangan tersebut ialah Mesyuarat Meja Bulat Menteri, yang mana dalam pertemuan itu, para menteri bertukar pandangan mengenai tema SEAMEO pada dekad akan datang, selaras dengan Ulang Tahun Ke-50 penubuhan SEAMEO pada 30 November 1965.

Para menteri telah membincangkan antara lain mengenai kemampanan organisasi yang merangkumi pusat-pusat serantau, hala tuju masa depan terutamanya dalam memenuhi keperluan negara-negara anggota dan rantau dalam merealisasikan tujuh bidang keutamaan tersebut.

Dalam forum dasar persidangan tersebut yang bertemakan 'Pembelajaran Digital Dalam Membentuk Masa Depan Warga Sejagat', Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bersama rangka kerja holistik Negara Brunei Darussalam untuk membangunkan kemahiran abad Ke-21 menumpukan khusus kepada peranan guru sebagai pereka pengalaman pembelajaran. Beliau menegaskan bahawa 'pembelajaran jurang digital' dilihat dalam sistem tidak boleh dilihat sebagai akibat adanya teknologi semata-mata tetapi lebih dipengaruhi oleh keupayaan guru untuk membangunkan pengalaman pembelajaran yang berkesan. Beliau turut menekankan tentang kepentingan pembangunan profesional guru dan bagaimana inovasi perlu dimulai pada peringkat guru dan bagaimana pedagogi yang kuat dengan sokongan ekosistem boleh menghasilkan pembelajaran abad Ke-21.

Persidangan itu diakhiri dengan kajian dan penggunaan laporan dalam kamera dan sesi pleno. Majlis juga mengesahkan Persidangan Majlis SEAMEO Ke-49 akan diadakan di Republik Indonesia pada tahun 2017.

# KPSSU anjurkan Majlis Makan Malam



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyampaikan penghargaan kepada salah seorang penceramah.

**Oleh : Muhammad Hidayatullah Zahari**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**JERUDONG**, Selasa, 11 Mei. - Persidangan Pelaburan Makanan dan Biotek anjuran Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) diadakan selama tiga hari berlangsung di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

Persidangan tersebut merupakan salah satu inisiatif Koridor Bio Innovasi Brunei sejajar dengan hasrat negara bagi mencapai perkembangan kepelbagaian, persaingan dan kemampanan ekonomi.

Sehubungan itu, satu majlis makan malam telah diadakan bagi mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli panel dan penceramah persidangan ke negara ini bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire Hotel & Country Club.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar yang juga menyampaikan cenderamata tanda penghargaan kepada semua pengerusi forum, penceramah dan ahli-ahli panel persidangan.

Majlis juga diserikan dengan persembahan yang mempamerkan adat budaya perkahwinan asli Brunei seperti Majlis Akad Nikah dan Majlis Bersanding.



PERSEMBAHAN kebudayaan Brunei, iaitu mengenai acara adat perkahwinan Brunei menyerikan suasana majlis makan malam bagi mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli panel dan penceramah Persidangan Pelaburan Makanan dan Biotek.

# TelBru buka cawangan baru

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abdul Rauf selaku tetamu kehormat ketika memotong reben bagi merasmikan cawangan baru TelBru bertempat di Pusat Membeli Belah Petani Mall di Daerah Tutong.

**TUTONG**, Jumaat, 8 Mei. - Dalam usaha untuk terus meningkatkan perkhidmatan kepada para pelanggannya terutama yang berada di Daerah Tutong, Telekom Brunei Berhad (TelBru) membuka rasmi cawangan terbarunya bertempat di Kompleks Beli-Belah Petani Mall bagi menggantikan cawangan TelBru Tutong.

Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Haji Abd. Rauf.

Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, Tuan David Kay dalam ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut berkata, pembukaan cawangan baru tersebut adalah usaha syarikat berkenaan dalam menyediakan kemudahan kepada para pelanggannya khususnya mereka yang tinggal di Daerah Tutong.

Dengan waktu operasi yang dilanjutkan dari pukul 8.30 pagi hingga 9.00 malam setiap hari, para pelanggan, tambahnya, kini boleh membuat pembayaran ataupun mendaftar kepada perkhidmatan dan produk-produk TelBru di cawangan baru itu selepas waktu bekerja ataupun pada sebelah malam.

Sejurus perasmian, tetamu kehormat kemudiannya diberikan taklimat dan penerangan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di cawangan baru itu oleh Ketua Pegawai Pemasaran TelBru, Lim Ming Soon.

Cawangan TelBru di Petani Mall merupakan cawangan kelima TelBru yang terletak di kawasan komersial yang mana cawangan lainnya adalah di Cities Square, The Mall dan Tanjung Bunut bagi Daerah Brunei dan Muara dan Cawangan Supasave di Seria.

Dengan kakitangan seramai 14 orang yang bekerja dalam dua syif, cawangan baru tersebut menawarkan hampir kesemua perkhidmatan-perkhidmatan TelBru dari pembayaran bil-bil kepada pertanyaan umum mengenai bil, produk dan perkhidmatan termasuk permohonan perkhidmatan baru.

Para pelanggan juga boleh membeli kad-kad prabayar TelBru, barangan cenderahati termasuk peralatan-peralatan komputer daripada pembekal komputer yang juga membuka kaunter dalam cawangan tersebut.

Pada masa yang sama, klinik jalur lebar (*broadband clinic*) juga dibukakan bagi membantu para pelanggan menyelaraskan *modem* serta *router* TelBru mereka, di samping lain-lain permasalahan teknikal yang berkemungkinan berlaku.

Sementara itu, cawangan TelBru Tutong pada masa ini sedang menjalani proses pengubahsuaiannya dan apabila siap nanti ia akan memberi kemudahan bagi perkhidmatan-perkhidmatan operasi dan teknikal syarikat berkenaan sahaja.

# Pupuk persekitaran perniagaan inovatif, mesra pelaburan



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar ketika berucap merasmikan Seminar Pelaburan Makanan dan Biotek anjuran Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) yang berlangsung di Indera Samudera Hall, The Empire Hotel & Country Club.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Masri Osman**

**JERUDONG**, Selasa, 12 Mei. - Ekonomi Negara Brunei Darussalam masih banyak bergantung kepada minyak dan gas. Hampir 67 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) adalah dari sektor minyak dan gas dan hampir 90 peratus daripada hasil kerajaan memberikan sumbangan kepada 96 peratus daripada eksport negara, tetapi ia memberikan pekerjaan kurang 5 peratus daripada tenaga kerja.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyatakan perlunya mempelbagaikan ekonomi dan memperbanyakan kepelbagaian produk supaya eksport berjalan segera.

Yang Berhormat menjelaskan demikian ketika berucap merasmikan Seminar Pelaburan Makanan dan Biotek anjuran Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) yang berlangsung di Indera Samudera Hall, The Empire Hotel & Country Club.

Untuk tujuan itu, Yang Berhormat menyarankan untuk memupuk persekitaran perniagaan yang inovatif dan menggalakkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan bagi mewujudkan ekonomi yang dinamik dan mampan untuk generasi akan datang.

Tambah Yang Berhormat lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan dengan adanya ciri-ciri iklim politik yang stabil, mempunyai udara yang bersih, kadar jenayah yang rendah dan mempunyai taraf hidup yang tertinggi di Asia.

"Satu inisiatif strategik dan pemacu untuk mencapai matlamat ini adalah pembangunan 'Koridor Bio-innovasi Brunei (BIC)'. Tujuannya ialah untuk mewujudkan sebuah taman yang akan melakukan kajian dan pembangunan, pengeluaran dan juga dalam 'Industri Halal dan sektor bio-industri'," ujar Yang Berhormat.

KPSSU melalui Pusat Inovasi Industri Halal telah menubuhkan beberapa program penyelidikan bersama dengan universiti luar negara dan institusi penyelidikan dan mengambil perkara lebih lanjut dengan bekerjasama dengan pakar-pakar industri yang terpilih untuk memupuk penyelidikan komuniti yang bertenaga dalam BIC.

Yang Berhormat dalam membicarakan tentang 'Industri dan Sektor Bio-Industri Halal', pasaran produk halal global merupakan industri trilion dolar, bukan sahaja makanan dan minuman, yang merupakan sektor biasa yang selalu disebut dalam media, tetapi juga kosmetik dan farmaseutikal.

Katanya, produk halal juga mempunyai pasaran di luar masyarakat Islam, seperti yang kita lihat trend yang jelas di peringkat global terhadap produk makanan lebih organik dan semakin banyak orang muda berpendidikan dan pengguna yang beretika lebih sedar mengenai kualiti makanan dan asal makanan.

"Brunei Darussalam juga dikurniakan dengan kepelbagaian kekayaan bio, kedua-dua daratan dan laut, yang mempunyai spesies flora dan fauna yang berbeza dalam suasana kepelbagaian yang benar. dengan 70 peratus daripada keluasan tanah keseluruhan negara kita masih diliputi dengan hutan hujan tropika, sebahagian besar yang masih dalam keadaan yang bersih, dan lebih daripada 41,000 kilometer persegi air menyokong sistem yang kaya dengan biodiversiti marin, ia menawarkan peluang yang banyak untuk kita meneroka potensi untuk membangunkan bio-industri kita," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan, hutan dan sumber marin merupakan sumber yang luas dan belum diterokai kepada potensi sepenuhnya, oleh itu terdapat keperluan bagi memperkukuh kerjasama dengan institusi penyelidikan yang berkaitan dalam penyelidikan dan pembangunan untuk meneroka sepenuhnya yang kaya dengan pelbagai sumber darat dan laut.

Tambah Yang Berhormat lagi, hutan hujan asli dan pelbagai sumber marin sebagai makmal penyelidikan asli dan stesen untuk menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berasaskan marin hutan dan bio-industri.

Seminar Pelaburan Makanan dan Biotek diadakan selama tiga hari adalah salah satu inisiatif Koridor Bio-innovasi Brunei sejajar dengan hasrat negara bagi mencapai perkembangan kepelbagaian, persaingan dan kemampanan ekonomi.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diteruskan dengan Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri dan wakil dari BIC Biotech Sendirian Berhad, Yuki Kaneda dan seterusnya menandatangani perjanjian Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim bersama The New Zealand Institute for Plant dan Food Research LTD., Puan Barbara Leppan.

Penandatanganan MoU mengenai 'Kajian Kemungkinan mengenai kerjasama teknikal dan penyelidikan' itu adalah di antara Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Pusat Innovasi Industri Halal, KPSSU dengan New Zealand Food Innovation (Auckland) Limited, dan New Zealand Plant dan Food Research Limited, dan Massey University, New Zealand.

Sementara Forum mengenai 'ASEAN - Cabaran dan Peluang' yang diadakan sempena dengan seminar itu dikendalikan oleh Pakar Ekonomi Kanan, Blomberg L.P., Tamara Henderson yang disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Darussalam Assets, Dato Paduka Dr. Haji Mohd. Amin Liew Abdullah; Ketua Ekonomi Asia, IHS Inc, Rajiv Biswas dan Eksekutif Presiden Majlis Perniagaan China-ASEAN, Xu Ning Ning.

Hadir sama di majlis perasmian itu ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Haji Abdullah; Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



PENANDATANGANAN Memorandum Persefahaman bersama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri dan wakil dari BIC Biotech Sendirian Berhad, Yuki Kaneda.

# Penciptaan jenama Brunei Halal tingkatkan ekonomi negara



SETIAUSAHA Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri memberikan ucapan alu-aluan pada Persidangan BIC - South East Asia's Food and Biotechnology Hub.

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**JERUDONG**, Selasa, 12 Mei. - Persidangan Pelaburan Makanan dan Biotek anjuran Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) diadakan selama tiga hari bermula 12 hingga 14 Mei bertempat di The Empire Hotel & Country Club.

Persidangan tersebut merupakan salah satu inisiatif Koridor Bio Innovasi (Bio Innovation Corridor - BIC), sejajar dengan hasrat negara bagi mencapai perkembangan kepelbagaian, persaingan dan kemampanan ekonomi.

Sehubungan itu, berlangsung persidangan mengenai BIC - South East Asia's Food and Biotechnology Hub yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Dalam pada itu, Setiausaha Tetap KPSSU menjelaskan serba sedikit mengenai BIC yang merupakan satu inisiatif untuk membangun dan mendiversifikasi ekonomi negara sehingga berjaya melalui *comparative advantage* seperti dalam usaha menjalankan Industri Halal dan Industri Bio di Negara Brunei Darussalam.

Sebagaimana yang dijelaskan, Negara Brunei Darussalam melalui KPSSU telah menubuhkan jenama Brunei Halal yang akan disahkan oleh beberapa majlis tertinggi tertentu untuk dijadikan sebagai rakan niaga (*business partner*) dengan yang lain dan dijadikan *available* secara *world wide*.

Seperti pada masa ini terangnya lagi, Brunei Halal sudah berada di pasaran antarabangsa antaranya di Birmingham, United Kingdom dan sekarang melalui usaha Koridor Inovasi bersama negara China seperti yang sedang direncanakan di Kampung Tungku, yang akan menggunakan cop Brunei Halal tersebut nanti.

Akan datang, tambah Setiausaha Tetap KPSSU lagi, inisiatif usaha seumpama ini memberikan peluang pulangan pelaburan yang sangat tinggi dan

sekali gus dapat menjadikan ekonomi Negara Brunei Darussalam *dependent* kepada Industri Halal dan Industri Bio.

Jenama Brunei Halal merupakan projek kerajaan yang diusahakan oleh KPSSU dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Kesihatan.

Penciptaan jenama Brunei Halal ini adalah selaras dengan usaha agresif Brunei Darussalam dengan negara Islam bergerak ke arah membangunkan kepelbagaian ekonomi yang berdaya saing dan mapan.

Melalui jenama Brunei Halal, Negara Brunei Darussalam telah menetapkan sebuah tempat untuk dijadikan sebagai salah satu fokus utama dalam Industri Halal di seluruh dunia, termasuk dari segi pensijilan dan pengeluaran makanan halal. Ini dilakukan semata-mata untuk memenuhi keperluan produk Halal yang berkualiti untuk penduduk Islam di seluruh dunia.

Antara objektif lain, Jenama Brunei Halal adalah untuk melaksanakan kewajipan fardu kifayah dengan usaha untuk meningkatkan jumlah makanan halal yang boleh dimakan oleh orang Islam kerana kemunculan produk yang mengandungi bahan-bahan mentah yang tidak halal atau bahan-bahan lain yang meragukan.

Pasaran global yakin bahawa Pensijilan Halal Brunei Darussalam adalah sangat terkenal di mana tahap tertinggi pencapaian kelulusan bagi Pensijilan Halal ialah dari MUIB yang anggotanya terdiri daripada pakar-pakar yang terkemuka, iaitu kalangan ulama.

Selain sebagai fardu kifayah, kewajipan kepada umat Islam juga membolehkan makanan halal mudah didapati, selamat dan berkualiti tinggi, selain dapat dijadikan sebagai kepelbagaian ekonomi bagi mencari pendapatan alternatif selain kepada Industri Minyak dan Gas.

Di samping itu, penciptaan Jenama Brunei Halal merupakan platform dan pembangunan kepada produk tempatan yang dihasilkan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan memberikan peluang pekerjaan kepada industri tempatan dan menjana peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan di Negara Brunei Darussalam sebagai pelburan destinasi dan pelancongan.

Kredibiliti Pensijilan Brunei Halal ini juga akan membawa keyakinan dan kepercayaan bukan sahaja kepada umat Islam di seluruh dunia, tetapi juga boleh memberi jaminan kepada pasaran bukan Islam tentang aspek kebersihan dan kualiti produk-produk ini kerana mereka menjalani prosedur yang sangat ketat di bawah pensijilan ini.

Projek ini juga dapat memberikan peluang untuk pelaburan di dalam dan luar negara, di samping membantu mengukuhkan hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara yang bekerjasama melalui pensijilan dan penjenamaan perkhidmatan Halal d engan menawarkan peluang usaha sama dan pelaburan langsung asing.

Perjalanan produk untuk menjadi jenama Halal yang dipercayai boleh dicapai dalam dua langkah mudah, iaitu pertama, produk berpotensi harus disahkan Halal oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dan langkah kedua, iaitu memperolehi produk-produk Halal yang disahkan jenama Brunei Halal dengan mengemukakan permohonan kepada jenama Brunei Halal di Bahagian Pembangunan, Jabatan Pertanian, KPSSU.



ANTARA panel-panel yang hadir di Persidangan BIC - South East Asia's Food and Biotechnology Hub.

# Muhammad Rahimi johan pidato

Oleh : Muhammad Hidayatullah Zahari
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 7 Mei. - Awang Mohd. Yadiy bin Haji Mat Yassin mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah muncul johan Kategori 'A' Pertandingan Pidato Sejarah Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Ke-2 Tahun 2014 / 2015 dengan tajuk pidato 'Sultan Haji Hassanal Bolkiah : Tunggak Melayu Islam Beraja'.

Kategori 'B' dimenangi oleh Awang Muhammad Rahimi bin Mohd. Fadillah dari Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah dengan tajuk pidatonya 'Sejarah Dalam Al-Qur'an Iktibar Kepada Manusia Sejagat'.

Manakala Awang Muhammad Ridzuan bin Haji Budiman mewakili Sekolah Menengah Sayyidina Hasan telah menjuarai Kategori 'C' dengan tajuk pidato 'Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien : Arkitek Brunei Moden'.

Awang Muhammad Rahimi bin Mohd. Fadillah telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan sekali gus menjulang piala rebutan Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Ke-2.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan piala dan hadiah ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Objektif pertandingan antara lain adalah untuk menyerapkan budaya berfikir secara kritis dalam kalangan para pelajar, di samping meningkatkan daya fikir pelajar dalam membuat tafsiran dan penilaian semula ke atas sesuatu peristiwa bersejarah di negara ini seterusnya menanamkan perasaan cintakan raja, negara dan bangsa.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Timbalan Setiusaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin bin Haji Abd. Samad.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pertandingan Akhir Pidato Sejarah Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Ke-2 berlangsung di kementerian tersebut.




AWANG Muhammad Rahimi bin Mohd. Fadillah dari Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah ketika membawakan pidatonya bertajuk 'Sejarah Dalam Al-Qur'an Iktibar Kepada Manusia Sejagat' bagi Kategori 'B'.



AWANG Muhammad Ridzuan bin Haji Budiman dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan ketika membawakan pidatonya bertajuk 'Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Arkitek Brunei Moden' bagi Kategori 'C'.

# Enam graduan UBD lawat industri di Jepun

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 7 Mei. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) memperkenalkan Skim Insentif Penyelidikan Brunei (BRISc) pada tahun 2012 yang mana objektifnya adalah untuk menarik syarikat-syarikat luar untuk melabur di Negara Brunei Darussalam.

Dari itu, BRISc telah menjana keupayaan bakat dan penyelidikan di negara ini dengan memanfaatkan rancangan jangka panjang untuk menubuhkan perniagaan mereka di negara ini, di samping menjalankan kerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan agensi-agensi penyelidikan.

Sehubungan itu, enam graduan di bawah Projek SMART Coat, Energy Saving Photo-Catalytic Paint telah membuat lawatan kerja ke Syarikat Pixela Corporation di Jepun selama 12 hari, iaitu hingga 18 Mei 2015.

Lawatan kerja tersebut bertujuan untuk melahirkan penyelidikan yang berkualiti, di samping memberi peluang kepada para graduan untuk memerhati, mempelajari dan memahami persekitaran kerja dalam *photo-catalytic paint industry*.

Sepanjang lawatan kerja itu, para graduan juga akan mengadakan lawatan ke beberapa kilang di PIALEX Technologies, Daikin Industries Limited, Universiti Osaka dan juga ke tapak pembinaan syarikat lainnya, universiti-universiti dan stesen kereta api yang menggunakan *cat photo-catalytic* yang dihasilkan oleh PIALEX Technologies.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah wakil-wakil daripada LKEB, Universiti Brunei Darussalam dan ahli keluarga para graduan berkenaan.



ENAM graduan Universiti Brunei Darussalam dihantar bagi lawatan kerja ke Syarikat Pixela Corporation, Jepun.

# UBD menang Anugerah Gangsa

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 6 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah memenangi Anugerah Gangsa bagi Video Institusi Korporat Paling Kreatif pada QS - MAPLE Ke-5 yang dianjurkan oleh QS Quacquarelli Symonds Asia bagi pihak QS Education Trust dalam majlis yang telah diadakan di Doha, Qatar.

Menurut Siaran Akhbar UBD, video bertajuk 'Colours of UBD' memperlihatkan kehidupan di Negara Brunei Darussalam dan unsur-unsur Masyarakat, Pendidikan, Keusahawanan, Inovasi dan Penyelidikan di UBD. 'Colours of UBD' dihasilkan oleh mahasiswa-mahasiswa tahun akhir dalam Jurusan Komunikasi Profesional dan Media, iaitu Awangku Amali bin Pengiran Haji Roslin, Ahli Persatuan Alumni UBD dan Awang Abu Hurairah bin Haji Mohammad, graduan Komunikasi Profesional Media.

Melalui kurikulum GenNEXT yang meluas dan merentas disiplin, UBD mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi pelajar untuk menerokai bakat mereka melalui pembelajaran.

Dalam usaha untuk memupuk bakat kreatif pelajar dan kemahiran yang inovatif, UBD telah membangunkan pelbagai *platform* bagi para mahasiswa mahasiswi untuk mempamerkan potensi mereka dalam festival-festival dan acara di kampus.

Hadir bagi menerima anugerah bagi pihak UBD ialah Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Madya Dr. Azman bin Ahmad.

Ketika menerima anugerah tersebut, Profesor Madya Dr. Azman antara lain berkata, memenangi anugerah itu adalah satu pencapaian yang luar biasa bagi UBD dalam perjalanannya ke arah merealisasikan visi 2015.

Ini jelasnya, bukan sahaja satu pengiktirafan rekaan kreatif dan menarik UBD dalam komunikasi serta pembinaan jenama inisiatif yang berkesan, ia juga menunjukkan bahawa bakat Brunei boleh mencapai ke luar negara serta berkemampuan untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Menurut Siaran Akhbar UBD lagi, pada tahun lepas, UBD termasuk dalam *ranking* QS 50 Terbaik di Asia dalam lima daripada sembilan kriteria, pertukaran pelajar ke luar dan dalam negara, fakulti antarabangsa, pelajar antarabangsa dan nisbah pelajar fakulti.

Dua daripada kriteria tersebut, (pertukaran pelajar ke luar negara dan fakulti antarabangsa) telah berada dalam *ranking* 10 teratas, secara keseluruhan, UBD mencatatkan 171 - 180.

QS Asia merupakan syarikat serantau QS Quacquarelli Symonds yang merupakan rangkaian terkemuka di dunia untuk kerjaya dan pendidikan tinggi.

Ditubuhkan pada tahun 1990, QS adalah Penghasil Ranking Universiti Dunia QS dan Ranking Universiti QS : Asia yang diiktiraf sebagai sebuah organisasi pendidikan bebas yang meningkatkan piawaian pendidikan tinggi global.



TIMBALAN Naib Canselor UBD, Profesor Madya Dr. Azman bin Ahmad hadir menerima Anugerah Gangsa bagi Video Institusi Korporat Paling Kreatif pada QS - MAPLE Ke-5 yang dianjurkan oleh QS Quacquarelli Symonds Asia bagi pihak QS Education Trust dalam majlis yang berlangsung di Doha, Qatar.

# 17 majikan, 46 pekerja belum daftar TAP - SCP

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 7 Mei. - Sebanyak 65 premis majikan yang dilawat, didapati 17 majikan dan 46 orang pekerja belum berdaftar dengan skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP).

Majikan yang gagal menunjukkan dokumen-dokumen yang diperlukan juga telah diarahkan untuk membuat perjumpaan ke pejabat TAP bagi tindakan lanjut seperti proses pendaftaran pekerja serta proses pembayaran caruman yang tertunggak.

Kesalahan tersebut dicatatkan dalam siri lawatan mengejut ke premis-premis perniagaan di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan oleh Pegawai Penguatkuasa TAP.

Tujuan lawatan bagi memastikan bahawa pekerja-pekerja tempatan didaftar dan dicarumkan dalam Skim TAP dan SCP.

TAP memaklumkan bahawa pekerja yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap negara ini adalah berhak untuk dicarumkan ke dalam Skim TAP dan SCP setiap bulan.

Aduan boleh dibuat dengan mengunjungi mana-mana cawangan TAP yang berdekatan atau menghubungi Jabatan Penguatkuasaan TAP melalui talian 2382929 sambungan 733 atau 732.

Ahli yang sudah mendaftar sebagai pengguna e-Amanah juga boleh membuat aduan secara *online* melalui laman sesawang TAP di alamat *www.tap.com.bn*.

# Timba ilmu pengetahuan dengan ikhlas



SALAH seorang pelajar yang menerima Anugerah Imam As-Syatibi pelajar terbaik keseluruhan peperiksaan Hafazan Al-Qur'an (bagi setiap tahun) Tahun 2014 Masihi.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohiddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 7 Mei. - Pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) diseru supaya beriltizam untuk meneruskan usaha bagi menimba lebih banyak ilmu pengetahuan dengan niat yang ikhlas.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof berkata, dengan berkat doa dan usaha, lebih banyak kejayaan akan dapat dicapai oleh para pelajar pada masa hadapan.

Berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Kepada Para Pelajar Cemerlang ITQSHHB Sesi Pengajian 1436 Hijrah / 2014 Masihi di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz terdahulu sebelum itu berkata, dengan usia yang telah mencecah 22 tahun, ITQSHHB telah mengecapi pelbagai pencapaian yang sangat membanggakan dan secara berterusan telah dapat menyumbang kepada Negara Brunei Darussalam terutama sekali di dalam bidang Hafazan Al-Qur'an.

Hasil daripada pencapaian dan sumbangan tersebut jelasnya, ITQSHHB telah diberikan penghargaan di peringkat antarabangsa dengan menerima Anugerah Ma'had Tahfiz Al-Qur'an Al-Karim Mithali bagi Tahun 1435H di Majlis Penyampaian Anugerah Antarabangsa His Royal Highness King Abdullah bin Abdulaziz Al-Saud bagi Al-Qur'an Al-Karim Ketujuh yang berlangsung pada bulan Ramadan tahun lalu di Jeddah, Kerajaan Arab Saudi.

Semoga penghargaan di peringkat antarabangsa tersebut ujarnya, akan dapat menjadi pembakar semangat kepada semua pelajar untuk mencapai kecemerlangan di dalam pengajian mereka.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Majlis tersebut adalah bagi meraikan pelajar-pelajar cemerlang dalam Pengajian Al-Qur'an dan Akademik; peperiksaan awam yang dikendalikan oleh pihak Kementerian Pendidikan (Brunei Cambridge GCE 'O' Level); KHEU (Sijil Pelajaran Ugama Brunei) serta penilaian dalaman yang dikendalikan oleh ITQSHHB.

Acara kemuncak majlis tersebut ialah penyampaian Anugerah Pelajar Mithali 2014 kepada Awang Ahmad Rusydi bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh pelajar ITQSHHB, Awang Muhammad Hazri bin Haji Mohd. Hamzani.

# Program Awasi Anak Kitani banteras penyalahgunaan dadah



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking semasa hadir pada Program Awasi Anak Kitani yang diadakan di Pusat Kemasyarakatan Kampung Luangan Duduk.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**MUKIM KERIAM**, Khamis, 7 Mei. - Program Awasi Anak Kitani dihasratkan dapat menyampaikan maklumat kepada masyarakat umum terutama ibu bapa mengenai pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada terlibat penyalahgunaan dadah.

Ia juga dihasratkan bagi memberi maklumat tentang keburukan dadah dan sekali gus mengajar ibu bapa bagaimana menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti tidak sihat ini.

Gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat negara kita semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius.

Pelbagai usaha giat dilaksanakan bagi membanteras aktiviti yang boleh melemahkan negara ini apatah lagi jika yang melakukannya para belia yang seharusnya menjadi aset negara.

Sehubungan itu, sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang ikut bertanggungjawab dalam memastikan anak-anak bangsa bergerak sihat dan cergas untuk membangun negara, program tersebut diharap akan dapat membuka minda para belia untuk menjauhi penggunaan dadah.

Ibu bapa juga akan dapat sama-sama bertindak dan mengawasi anak masing-masing tentang bahaya penggunaan dadah tanpa mengharapkan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.

Dengan kesedaran jitu dan pengetahuan adalah penting untuk mengelakkan belia daripada mudah terjerumus ke dalam kancah penyalahgunaan dadah.

Walaupun Biro Kawalan Narkotik (BKN) diberikan mandat bagi pembanterasan apa-apa jua aktiviti berkaitan dadah seperti pengedaran, penjualan dan memakan dadah, tetapi atas dasar tanggungjawab bersama ini telah memberikan inspirasi kepada Jabatan Penerangan untuk sama-sama turun padang bagi membantu kerajaan membanteras gejala yang tidak sihat ini.

Program Awasi Anak Kitani telah diadakan di Pusat Kemasyarakatan Kampung Luangan Duduk, di sini.

Program tersebut dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong dengan kerjasama BKN dan Jabatan Hal Ehwal Masjid daerah ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Lebih 120 ahli Muslimah Masjid di Mukim Keriam telah menghadiri program berkenaan.

Program berkenaan juga diselitkan dengan taklimat 'Pendidikan, Pencegahan Dadah' disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, Awang Mohd Izman bin Haji Tarip.

Selepas taklimat, sesi soal jawab juga diadakan serta Pameran Jabatan Penerangan dan BKN.



TAKLIMAT 'Pendidikan, Pencegahan Dadah' disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, Awang Izman bin Haji Tarip.

## HALUAN

### Tulisan Jawi khazanah kemegahan kita

Dari muka 2

Kebawah DuIi Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah sering menyentuh dalam titah baginda tentang peri mustahaknya rakyat dan penduduk di negara ini menguasai tulisan Jawi. Baginda mengingatkan supaya usaha ke arah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara tidak akan diabaikan dan adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat dan penduduk di negara ini mengamalkan bahasa Melayu terutama dalam urusan-urusan rasmi menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan, termasuklah juga meningkatkan penggunaan tulisan Jawi. Melalui keprihatinan baginda itu, kita yakin yang tulisan Jawi akan mendapat tempat yang tinggi dalam kehidupan bangsa Melayu.

Alhamdulillah, penerbitan Buku Antologi Sajak Patriot Muda Hubbul Watan yang dilancarkan pada petang ini merupakan salah satu usaha dalam menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat Melayu, khususnya generasi muda dan pelajar-pelajar pada masa ini tentang peri pentingnya tulisan Jawi, di samping akan mencetus dan menyuburkan semangat patriotik di kalangan mereka. Saya dimaklumkan oleh pihak penganjur bahawa dalam buku antologi tersebut memuatkan 30 buah sajak hasil karya pelajar-pelajar dengan menggunakan tulisan Jawi, di samping tulisan Rumi sebagai alat penyampaiannya. Buku antologi yang merangkumi tiga elemen ini mempunyai nilai yang sangat tinggi dalam mengukuhkan kedaulatan dan peradaban bangsa dan negara, khususnya tulisan Jawi, bahasa Melayu dan seni sastera. Penglibatan pelajar-pelajar dalam penulisan tersebut juga adalah amat membanggakan, lebih-lebih lagi ada di antara mereka bukan dari kalangan pelajar Melayu Islam. Moga usaha ini akan ada kesinambungannya dan akan digunakan dengan optimum dalam perisian kurikulum dan kokurikulum sistem pendidikan kita.

Penglibatan para guru peringkat rendah dan menengah sekolah-sekolah kerajaan dan swasta seluruh negara untuk mempelajari dan mendalami tulisan kaligrafi Jawi ini pula adalah inisiatif yang bertepatan kerana para guru adalah fasilitator dan agen yang paling ampuh dan berkesan dalam penyebaran dalam semua cabang ilmu pengetahuan. Saya harap guru-guru yang telah mengikuti bengkel ini akan dapat menyebarkan ilmu dan kemahiran yang telah diperorehi kepada pelajar-pelajar dan rakan-rakan di sekolah masing-masing.

Kesimpulannya, apa juga usaha murni sama ada melalui penulisan sajak dan bengkel setentunya akan dapat memartabatkan tulisan Jawi sesuai dengan kata pepatah 'benih yang baik dibuang ke laut menjadi pulau' dan saya percaya manfaatnya amat besar bukan sahaja dalam dunia pendidikan, tetapi juga untuk kegemilangan bangsa dan negara kita Brunei Darussalam. Oleh sebab itu, usaha murni seumpama ini hendaklah diteruskan dan diperkembangkan lagi agar lebih berkesan dalam usaha kita mengangkat tulisan Jawi sebagai tulisan ilmu dan wacana pemikiran dan kesusasteraan Melayu.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar yang sajaknya termuat dalam Antologi Sajak Hubbul Watan dan juga kepada guru-guru yang akan menerima sijil pada petang ini dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur majlis atas usaha bermanfaat ini. Semoga usaha-usaha yang telah dan akan dijalankan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sekian.

## Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong

# Wujudkan semangat bekerjasama



MASJID Setia Ali Pekan Muara merupakan masjid utama yang terletak di dalam kawasan Kampung Sabun dan dapat menampung 700 jemaah.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ihsan MPK Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong**

KAMPUNG Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong terletak di hujung timur Brunei dan di utara Laut Cina Selatan. Kampung ini juga bersempadan dengan selatan Muara iaitu Kampung Serasa dan barat Muara, iaitu Kampung Kapok. Keluasan Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, dan Pelumpong mempunyai keluasan 332.18 hektar. Manakala keluasan Kampung Sabun pula ialah 134.47 hektar. Kampung ini mempunyai rangkaian kemudahan perhubungan jalan raya dan penggunaan Lebuhraya Muara dan Tutong. Ia terletak kira-kira 27 kilometer dari ibu negara Bandar Seri Begawan.

**SEJARAH**

Berdasarkan cerita orang tua-tua dan mantan ketua kampung, terdapat penduduk Muara yang berumah daripada kampung yang dinamakan Kampung Dadap yang membawa maksud sejenis pokok yang besar yang mempunyai bunga berwarna merah. Semasa peperangan Jepun, para penduduk ini berpindah-randah, ada yang membina rumah dan masjid di tepi Kuala Sungai yang dipanggil Sungai Biawak.

Setelah berakhirnya peperangan Jepun pada tahun 1945, masjid yang terdapat di perkampungan Sungai Biawak telah banyak yang rosak. Untuk mengambil kenangan, maka penduduk kampung mengubah nama Kampung Sungai Biawak menjadi Kampung Masjid Lama sehingga sekarang. Memandangkan pembangunan pelabuhan semakin berkembang, oleh itu para penduduk telah dipindahkan ke kawasan Kampung Serasa yang dikenali sebagai Kampung Perpindahan Rakyat Jati Serasa. Manakala Kampung Sabun pula mengambil nama sempena nama pokok yang bernama sabun dan daunnya seakan-akan kelapa.

**KETUA KAMPUNG**

Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong

**Kenali Negara Kitani**

ialah Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Dilahirkan pada 29 November 1952 dan dilantik sebagai ketua kampung pada 11 Jun 2009. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pereka di Jabatan Radio Televisyen Brunei.

**KERAMAIAN PENDUDUK**

Jumlah keramaian penduduk di Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Pelumpong ialah seramai 3,240 orang, manakala jumlah penduduk di Kampung Sabun ialah seramai 918 orang.

**MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG**

Biro-biro yang terdapat di dalam Majlis Perundingan Kampung (MPK) Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong ialah Biro Penerangan, Biro Kebudayaan/ Sukan, Biro Infrustruktur, Biro Keselamatan, Biro Wanita, Biro Kebajikan, Biro Ugama, Biro Pendidikan dan Biro Ekonomi.

**PROJEK, AKTIVITI DAN PRODUK**

Dalam usaha menyahut seruan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk merealisasikan hasrat 'Satu Kampung Satu Produk', MPK kampung ini berusaha dan mewujudkan projek yang menjurus hasil ikan laut, iaitu Projek Snek Lumai Ikan. Projek ini bermodalkan kutipan daripada ahli dan penduduk kampung sebanyak BND10 seorang dengan keramaian 32 orang.

Fasa penghasilan produk Snek Lumai Ikan ini termasuklah penyediaan dan pembelian barang keperluan, pengambilan bahan mentah, membersihkan ikan aur-aur, menjemur, proses memasak, proses pembungkusan dan pemasaran.

MPK akan berusaha untuk mempelajari lagi untuk meningkatkan kualiti pembuatan produk Snek Lumai Ikan sehingga mencapai tahap kecemerlangan yang sangat-sangat menggalakkan.



Dalam aspek pendidikan, Biro Pendidikan kampung ini mengadakan kelas-kelas bimbingan bagi murid-murid dan penuntut yang memerlukan. Biro ini bertanggungjawab dalam mengadakan bengkel kesedaran, pendidikan dan juga motivasi kepada remaja dan para belia. Dengan bantuan daripada guru-guru atau sesiapa sahaja yang mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam pendidikan.

Antara aktiviti pendidikan yang diadakan ialah Kelas Bimbingan Muqaddam dan Al-Qur'an, bengkel (gulintangan, dastar dan sinjang), mengadakan kem motivasi dan sebagainya.

Selain daripada itu, para penduduk kampung ini juga turut menjalankan kegiatan-kegiatan keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kesukanan. Beberapa kegiatan yang telah dilaksanakan termasuklah Perbarisan Maulidur Rasul, Kempen Kebersihan Pekan Muara, Majlis Keluarga, Jualan Gerai Ramadan dan banyak lagi. Manakala dari aspek sukan dan kebudayaan pula, di antara aktiviti yang dijalankan seperti Sukan Ria sempena Hari Keluarga dan Perlawanan Tarik Kalat.

Sementara itu, dari aspek keagamaan, kebajikan dan kemasyarakatan pula adalah seperti Sambutan Maulidur Rasul, membersihkan tanah perkuburan Islam, meraikan warga emas, Sambutan Hari Keluarga, Ceramah Muslimah Ugama Masjid dan Derma Anak Yatim.

Dalam menjaga kebersihan dan keindahan kampung, beberapa usaha diteruskan dengan mengadakan kempen-kempen kebersihan, kempen-kempen khas seperti Kempen Hijau Persekitaran Kampung dan Kempen Kebersihan Pantai.

**PROJEK EKO-PELANCONGAN PESTA SANTAI MUARA**

Matlamat utama Pesta Santai Muara ialah untuk menaikkan taraf pengenalan Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong bukan saja kepada penduduk tempatan malahan juga kepada pelancong-pelancong asing.

Ia juga bertujuan untuk menambah pendapatan perekonomian MPK agar dapat menjalankan aktiviti-aktiviti kemajuan ekonomi serta memberi bantuan kepada penduduk kampung seperti anak-anak yatim dan ibu-ibu tunggal, di samping mengeratkan silaturahim dan mewujudkan persefahaman semangat bekerjasama dalam kalangan




SNEK Lumai Ikan produk Majlis Perundingan Kampung (MPK) Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong.

ahli-ahli MPK dan anak-anak buah kampung bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak syarikat swasta yang berkepentingan di Mukim Serasa.

Selain itu, ia juga memberikan peluang kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan untuk menyampaikan maklumat penting kepada penduduk tempatan dan mempromosikan produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan.



SALAH satu daripada aktiviti keagamaan yang diungkayahkan oleh MPK Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong ialah membersihkan tanah perkuburan orang Islam.



AHLI-AHLI MPK Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong bagi sesi 2011 hingga 2016.

# 'Sembahyang penyelamat kita'

**BACALAH wahai Nabi Muhammad apa yang diwahyukan kepadaMu daripada Al-Qur'an dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar, dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar manfaat dan kesannya dan Allah mengetahui apa yang kamu perbuat.**




MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta selamat di dunia dan selamat di Akhirat.

Selaku hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang mengaku beriman kepada-Nya, kita hendaklah mensyukuri segala apa jua nikmat yang telah diberikan-Nya kepada kita, iaitu dengan mentaati segala perintah Allah dan rasul-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Antara perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang wajib kita patuhi dan laksanakan ialah mendirikan ibadat sembahyang.

Sembahyang adalah rukun Islam yang kedua. Sembahyang juga merupakan tiang agama dan satu ibadat wajib ke atas setiap umat Islam yang mukallaf. Di dalam Al-Qur'an terdapat lebih 25 tempat perkataan 'aqam' disebutkan yang merujuk kepada makna perintah mengerjakan atau mendirikan sembahyang dan terdapat lebih 70 kali perkataan 'As-Sollah' yang bermaksud sembahyang, diulang-ulang dan disebut di dalam Al-Qur'an.

Sebagai umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kita hendaklah memerhati dan memahami sehalus-halusnya perintah sembahyang ini. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam telah berpesan kepada para ibubapa supaya mengajar dan menyuruh anak-anak mereka mengerjakan sembahyang sejak mereka berumur tujuh tahun lagi. Dan setelah anak-anak berumur sepuluh tahun, jika mereka tidak bersembahyang, maka pukullah mereka dengan pukulan yang tidak menyakitkan. Ini jelas menunjukkan betapa Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengambil berat dan mementingkan ibadat sembahyang untuk diajar dan dididik kepada anak-anak sedari kecil lagi.

Di samping itu, kita disunatkan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar anak-anak dan keturunan kita sentiasa mendirikan sembahyang sebagaimana Doa Nabi Ibrahim Alaihissalam dalam surah Ibrahim ayat 40 :

**Tafsirnya :** *"Ya Tuhanku! jadikanlah aku orang yang tetap mendirikan sembahyang dan demikian juga darjat keturunanku. Ya Tuhan kami! perkenankanlah doa ku."*

Selain itu juga, kita hendaklah menyuruh kaum keluarga kita agar mengerjakan sembahyang sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Thaahaa ayat 132 :

**Tafsirnya** : *"Dan perintahkanlah keluarga mu mendirikan sembahyang dan bersabarlah dalam menunaikannya."*

Menerusi ayat-ayat Al-Qur'an dan hadith Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tadi, dapat difahami betapa besarnya kepentingan ibadat sembahyang kepada kita. Oleh itu setiap umat Islam hendaklah melaksanakan ibadat sembahyang itu dengan sempurna dan sentiasa memastikan bahawa ibadat sembahyang itu dikerjakan pada waktunya secara konsisten. Ketahuilah bahawa ibadat sembahyang mempunyai banyak kelebihan yang dapat menjadi penyelamat kepada umat Islam, antaranya :

Pertama : Sembahyang dapat mengingatkan seseorang kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Thaahaa ayat 14 :

**Tafsirnya** : *"Sesungguhnya Akulah Allah, tiada tuhan berhak disembah melainkan Aku, maka sembahlah Aku dan dirikanlah sembahyang untuk mengingatiKu."*

Ini ada kaitan degan sebuah lagi firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Baqarah ayat 152 :

**Tafsirnya :** *"Maka ingatlah kamu kepadaKu (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepadaKu dengan taat mengerjakan suruhanKu dan janganlah kamu mengingkariKu (dengan berbuat derhaka dan maksiat)."*

Kedua : Sembahyang dapat menghapus dosa.

**Maksudnya** : *"Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Sembahyang lima waktu dan sembahyang Jumaat hingga Jumaat berikutnya adalah penebus dosa antara jarak waktu sembahyang itu, selama dia tidak melakukan dosa-dosa besar."*

Ketiga : Sembahyang dapat mencegah perbuatan keji dan mungkar. Sembahyang yang dikerjakan dengan khusyuk, dengan hati yang hadir mengingat Allah Subhanahu Wata'ala dan menepati segala rukun-rukun-Nya boleh mencegah seseorang itu dari melakukan maksiat dan kemungkaran. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al' Ankabuut ayat 45 :

**Tafsirnya :** *"Bacalah wahai Nabi Muhammad apa yang diwahyukan kepadaMu daripada Al-Qur'an dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar, dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar manfaat dan kesannya dan Allah mengetahui apa yang kamu perbuat."*

Keempat : Sembahyang dapat memberi keberkatan, kejayaan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Mu'minun ayat 1-2 :

**Tafsirnya** : *"Sesungguhnya berjayalah orang-orang beriman, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang mereka."*

Demikianlah antara faktor-faktor keselamatan di dunia mahupun di akhirat yang telah dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita umat Islam jika benar-benar istiqamah dan iltizam dalam mengerjakan ibadat sembahyang.

Ketahuilah bahawa perintah sembahyang yang diterima oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah secara langsung daripda Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu ketika Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengadap Allah Azza Wajalla dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Sementara ibadat yang lain seperti ibadah puasa, zakat, haji dan lain-lain diterima melalui wahyu dengan perantaraan malaikat Jibril Alaihis Salam sebagai pembawa wahyu. Ini menunjukkan betapa ibadat sembahyang itu sangat istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan suatu ibadat yang utama yang menjadi penyelamat kepada orang-orang Islam di dunia dan di akhirat.

Akhirnya marilah kita meningkatkan kualiti ibadat sembahyang seperti mengerjakan dengan penuh istiqamah dan mencuba sedaya upaya untuk memperbaiki sembahyang kita dengan penuh khusyuk dan tawaduk serta membulatkan hati semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala jua. Sama-samalah kita berdoa semoga segala amal ibadat yang kita lakukan selama ini akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin ya rabbal alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah An-Nisa ayat 103 :

**Tafsirnya** : "Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang maka ingatlah Allah ketika kamu berdiri dan duduk serta ketika kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram berada dalam keadaan aman maka dirikanlah sembahyang itu dengan sempurna sebagaimana biasa. Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya."

**MAKA ingatlah kamu kepadaKu (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepadaKu dengan taat mengerjakan suruhanKu dan janganlah kamu mengingkariKu (dengan berbuat derhaka dan maksiat).**

## وقت سمبهيڠ داءيره بروني موارا دان تمبوروڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى

وقت سمبهيڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى باڬي داءيره بروني موارا دري هاري سبتو 16 مي 2015 برساماءن دڠن 27 رجب 1436 هيڠڬ كهاري جمعة 22 مي 2015 برساماءن 4 شعبان 1436 اداله سفرت دباوه اين:

| مسيحي<br>مي | هاري | هجريه<br>رجب | امساك | صبح | شوروق | ضحى | ظهر | عصر | مغرب | عشاء |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16 | سبتو | 27 | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 40 | 6 . 27 | 7 . 41 |
| 17 | احد | 28 | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 40 | 6 . 28 | 7 . 41 |
| 18 | اثنين | 29 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 40 | 6 . 28 | 7 . 41 |
| 19 | ثلاث | 1شعبان | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 41 | 6 . 28 | 7 . 42 |
| 20 | رابو | 2 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 41 | 6 . 28 | 7 . 42 |
| 21 | خميس | 3 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 41 | 6 . 28 | 7 . 42 |
| 22 | جمعة | 4 | 4 . 34 | 4 . 44 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 42 | 6 . 28 | 7 . 42 |

وقت٢ سمبهيڠ باڬي داءيره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان داءيره بلاءيت دتمبه تيڬ مينيت دان سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاءي دري فوكول 12.45 تڠه هاري

# Peristiwa Israk Mikraj mengandungi lautan hikmah

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

NEGARA kini meraikan satu lagi tarikh penting dalam kalendar Islam. Tanggal 27 Rejab satu tarikh penuh bersejarah dan bermakna dalam kehidupan umat Islam sejagat pada tarikh itulah berlakunya peristiwa yang membawa penuh rahmat kepada semua umat manusia iaitu peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Semasa peristiwa itu Allah Subhanahu Wata'ala telah menunjukkan bukti kebesaran, kekuasaan dan keagungan-Nya dengan memperjalankan hamba-Nya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk memperlihatkan Baginda beberapa kejadian aneh lagi pelik dan ajaib yang mana setiap kejadian itu boleh dijadikan iktibar dan pedoman hidup umat Islam di dunia ini.

Sesetengah pendapat mengatakan, Israk dan Mikraj berlaku pada tahun Ke-10 atau tahun Ke-11 kenabian. Israk ertinya perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa di Baitul Maqdis, Palestin manakala Mikraj pula ertinya dinaikkan ke langit tertinggi, iaitu dari Baitul Maqdis sampai ke Sidratul Muntaha di mana perjalanan Baginda ditemani oleh malaikat Jibril dengan mengendarai Buraq. Peristiwa yang mempunyai lautan hikmah itu sebenarnya merupakan ujian dan mukjizat ke atas Baginda, di samping membuktikan kudrat atau kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

**Tuntutan sembahyang lima waktu**

Peristiwa Israk dan Mikraj merakamkan pelbagai pengajaran dan anugerah. Salah satu anugerah yang tidak terhingga nilainya ialah bila mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerima perintah sembahyang lima waktu sehari semalam. Anugerah tersebut juga mempunyai kelebihannya tersendiri iaitu ibadah sembahyang merupakan penghubung di antara manusia dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan boleh memantapkan akidah dan iman dalam diri seseorang. Selain menjadi kewajipan kepada umat Islam, ibadat sembahyang merupakan anugerah paling istimewa dan mampu mencegah segala macam kejian dan kemungkaran. Sembahyang juga merupakan tiang agama dan amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah Subhanahu Wata'ala pada hari akhirat kelak.

**Sambutan peringkat kebangsaan**

Dalam pada itu masyarakat Islam di negara ini akan sama-sama memperingati peristiwa Israk dan Mikraj Baginda dengan mengadakan perhimpunan pada hari ini, Sabtu, 16 Mei 2015 Masihi bersamaan 27 Rejab 1436 Hijrah. Majlis sambutan Israk dan Mikraj peringkat negara itu akan diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seperti lazimnya sambutan akan bertambah seri dengan keberangkatan pemimpin payung negara yang begitu menitikberatkan ajaran agama Islam, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Majlis juga akan mendengarkan Ceramah Khas sempena Israk Mikraj yang disampaikan oleh Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Hambali bin Haji Juli dengan tajuk 'Sembahyang Penyelamat Kita' dan dimeriahkan dengan persembahan nasyid.

Sambutan kali ini juga akan menyaksikan pameran 'Sembahyang Penyelamat Kita', dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang memfokuskan perkara-perkara berhubung kait dengan hal ehwal sembahyang bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman, kesedaran dan penghayatan orang ramai terhadap kewajipan ibadat sembahyang. Pameran dibuka bagi kunjungan orang ramai selama tiga hari bermula hari ini hingga Isnin nanti (16, 17 & 18 Mei 2015) mulai pukul 8.00 pagi hingga 4.30 petang bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dengan konsep pameran iaitu statik, demonstrasi dan klinik, pameran dihasrat akan menjadi wadah pendidikan dan dakwah kepada orang ramai yang mengunjungi pameran berkenaan. Sambutan pada tahun ini bertemakan 'Sembahyang Penyelamat Kita'.

Semoga dengan mengikuti peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan dapat meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan umat Islam di seluruh dunia dengan menjadikan peristiwa penuh bersejarah itu sebagai iktibar dan panduan hidup demi mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.




SAMBUTAN Israk dan Mikraj lazimnya diadakan pada peringkat kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan sama ada dalam bentuk forum mahupun ceramah (atas dan bawah).



***PERISTIWA Israk dan Mikraj merakamkan pelbagai pengajaran dan anugerah. Salah satu anugerah yang tidak terhingga nilainya ialah bila mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerima perintah sembahyang lima waktu sehari semalam.***



GAMBAR HIASAN ... Kewajipan menunaikan sembahyang fardu lima waktu antara perkara yang telah disampaikan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam semasa Israk dan Mikraj.

# Membaca kunci pembangunan tamadun bangsa

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Mei. - Para ibu-bapa adalah selaku *role model* yang bertanggungjawab dalam menghala tuju 'Keluargaku Harapanku' supaya akan dapat menyemai dan menanamkan budaya suka dan gemar membaca dalam kalangan keluarga.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Pek Awal Literasi sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2015.

Ini dapat dicapai melalui pelbagai usaha termasuk dengan menyediakan sekurang-kurangnya buku-buku yang sesuai untuk bacaan anak-anak atau menyediakan sudut bacaan yang konsepnya dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman percaya dengan cara ini akan dapat mewujudkan keluarga harmoni, dan menimbulkan kasih sayang kerana kepentingan membaca ini merupakan tuntutan dan amalan yang digalakkan oleh agama kita.

"Tidak dapat dinafikan peranan yang dimainkan oleh ibubapa dalam pembesaran kanak-kanak termasuk menyemai nilai-nilai murni serta budaya membaca dalam kalangan keluarg," ujarnya semasa berucap pada Majlis Penyerahan Pek Awal Literasi Sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2015 di Sumbangsih Bahagia, Tingkat 1, Kompleks Perindustrian Beribi, Gadong.

Pada masa yang sama jelasnya, peranan masyarakat juga tidak kurang penting untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu di mana Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan masyarakat sivil adalah dialu-alukan untuk mengambil tindakan proaktif ke arah ini.

Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) terang Yang Mulia Datin Paduka menyambut baik apa jua usaha pihak masyarakat untuk bergerak dan bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyediakan tempat yang bersesuaian bagi kemudahan para penduduk dan masyarakat di sekitar mukim dan kampung untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan sama ada di masjid-masjid, balai raya atau dewan kemasyarakatan dalam sama-sama mendukung dan merealisasikan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Wawasan Negara 2035, iaitu ke arah melahirkan rakyat dan penduduk yang berilmu pengetahuan, berwawasan dan berkemahiran tinggi serta dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang dinamik.

"Kita juga ingin melihat jabatan-jabatan kerajaan, hospital, serta penglibatan gedung-gedung perniagaan dalam usaha memperkasa budaya membaca di negara ini supaya akan dapat menyediakan ruang-ruang dan bilik-bilik bacaan di bangunan kerajaan dan juga premis perniagaan mereka bagi kemudahan pelanggan dan pengunjungnya sebagai tanggungjawab sosial korporat," ujarnya.

Datin Paduka seterusnya menegaskan, semua pihak sama ada sektor kerajaan atau bukan kerajaan termasuk pihak swasta serta para ibu bapa dan guru-guru perlu bekerjasama, berganding bahu, menyumbang dan menyokong peranan ke arah menanamkan minat membaca dan mempromosikan budaya membaca dalam kalangan masyarakat khususnya dalam kalangan pelajar-pelajar dan murid-murid di Negara Brunei Darussalam.

"Kita perlu sama-sama memahami bahawa membaca kunci segala kejayaan dan jendela untuk memperolehi maklumat dan pembangunan tamadun bangsa," tambahnya.

Terdahulu, Yang Mulia Datin Paduka menyatakan, ilmu pengetahuan adalah merupakan kunci kepada pembangunan tamadun bangsa manakala membaca adalah merupakan jendela kepada gedung ilmu pengetahuan bagi sesuatu bangsa.

Bangsa yang mempunyai kekuatan budaya membaca jelasnya adalah merupakan bangsa yang dapat menguasai pelbagai ilmu pengetahuan - ilmu agama, ekonomi, matematik, termasuk sains dan teknologi.

# Tingkatkan peranan institusi keluarga PERKASA BUDAYA MEMBACA



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menyampaikan Pek Awal Literasi kepada seorang ibu sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2015.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Mei. - Seramai 148 orang ibu dari keempat-empat daerah menerima pek awal literasi bagi anak-anak damit mereka sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2015.

Tahun ini, pengagihan Pek Awal Literasi telah dilaratkan dan diberikan kepada ibu-ibu yang melahirkan anak pada 1 hingga 28 Februari 2015 di kesemua hospital dan klinik di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, 117 orang adalah dari Daerah Brunei dan Muara, 19 dari Daerah Tutong, empat orang dari Daerah Belait dan lapan orang lagi dari Daerah Temburong.

Majlis penyampaiannya telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman bertempat di Sumbangsih Bahagia, Tingkat 1, Kompleks Perindustrian Beribi, Gadong.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei (DBP), Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya antara lain berkata, semua peserta yang terpilih dalam Program Awal Literasi (PAL) akan menjadi Ahli Kelab Awal Literasi dan akan dipanggil ke perpustakaan di daerah masing-masing atau perpustakaan yang berdekatan untuk mengikuti program yang disediakan seperti ceramah agama, ceramah kesihatan serta diajar bagaimana membimbing anak-anak damit mereka untuk mendekati buku dan seterusnya membaca buku sehingga berumur 5 tahun.



ANTARA ibu-ibu yang hadir menerima Pek Awal Literasi sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2015.

Dari hasil kajian dan pemantauan pegawai-pegawai perpustakaan jelasnya, anak-anak damit yang menerima Pek Awal Literasi tahun 2014 dapat mencapai matlamat PAL yang disasarkan.

Jelasnya, perkembangan anak-anak damit dalam minat mereka terhadap buku begitu ketara dan ibu bapa yang mengikuti program ini juga menyatakan bahawa program ini secara tidak langsung telah berjaya mengubah diri mereka kepada suka membaca.

Program ini antara lain bertujuan untuk mengangkat peranan institusi keluarga dalam memperkasa budaya membaca sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan serta membuka minda dan menimbulkan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan membaca sejak kanak-kanak tersebut dilahirkan termasuk ahli keluarganya yang lain.

Di samping itu, ia juga bertujuan meningkatkan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak, ibu bapa dan institusi keluarga serta mendukung Wawasan Negara 2035, melahirkan generasi intelek dan berwawasan dalam semua bidang selain menggalakkan dan menanamkan sikap suka membaca serta memberi pendedahan awal kepada anak-anak damit cara memilih bahan bacaan.

Usaha untuk menjadikan aktiviti pembacaan pada umur seawal usia sebagai satu budaya di Negara Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mengungkayahkan PAL dengan kerjasama Bahagian Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Kementerian Pendidikan, Klinik-klinik Kesihatan, Kementerian Kesihatan dan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kaedah pelaksanaan program ini adalah dengan menyediakan pek yang diisikan dengan beberapa buah bahan bacaan yang diberikan secara percuma kepada anak-anak damit yang baru lahir di negara ini.

## Masalah ponteng sekolah dibincangkan bersama ibu bapa

**Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto: Mohd. Mahdi Haji Marsidi**



ANTARA ibu bapa dan pelajar yang menghadiri bengkel tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Mei. - Bahagian Kaunseling dan Kerjaya (BKK), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, mengadakan Program Pendidikan dan Bengkel Kemahiran Keibubapaan bagi Ibu Bapa Pelajar-Pelajar Sekolah-Sekolah Kerajaan Seluruh Negara Tahun 2015 berlangsung di Sekolah Rendah Pusar Ulak, di sini.

Taklimat pada sebelah pagi program tersebut disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Dayang Hajah Suziyati binti Mohammad Ali.

Program yang dijalankan bermula 22 Januari hingga 13 Mei 2015 itu melibatkan ibu bapa atau penjaga pelajar-pelajar sekolah-sekolah kerajaan seluruh negara terdiri daripada ibu bapa atau penjaga bagi anak-anak yang mempunyai masalah ponteng sekolah, anak yang mencapai tahap kedatangan yang cemerlang dan sebagainya.

Antara perisian program termasuklah komunikasi antara ibu bapa dan anak, disiplin, membina penghargaan kendiri anak, pengurusan masa dan kerjaya anak-anak serta perbincangan bersama ibu bapa selain pengkongsian permasalahan yang dihadapi oleh ibu bapa.

Program bertujuan untuk memberikan pemahaman kepada ibu bapa dan penjaga mengenai tugas dan tanggungjawab mereka terhadap pendidikan anak-anak serta meningkatkan kemahiran-kemahiran dalam merangsang anak-anak supaya hadir ke sekolah.

Selain itu, program juga bertujuan untuk mengetahui kesan ketidakhadiran anak-anak ke sekolah dan mengukuhkan kerjasama di antara ibu bapa dengan sekolah sebagai pemangkin dan penyokong pelajar-pelajar.

# Terima kunjung hormat dua perwakilan asing

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Mei. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, telah menerima kunjungan hormat secara berasingan daripada dua orang ketua perwakilan luar negara yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis, Berakas.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mr. Chirdchu Raktabutr.

Sebelum ini Tuan Yang Terutama Mr. Chirdchu Raktabutr pernah berkhidmat sebagai Menteri Kaunselor di Kedutaan Thailand, Berlin, Republik Persekutuan Jerman.

Tuan Yang Terutama Mr. Chirdchu Raktabutr telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 9 Mac 2015 yang lalu.

Kemudian Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian.

Puan Yang Terutama Yang Jian telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 26 Januari 2015.

Puan Yang Terutama Yang Jian pernah berkhidmat sebagai Kaunselor dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Asia di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Rakyat China.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Yang Jian.

Majlis tersebut merupakan salah satu usaha ke arah meningkatkan lagi persefahaman serta kerjasama yang erat di antara kedua-dua buah negara dan merupakan satu wadah untuk bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman dalam perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Juga hadir pada kunjungan hormat tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Harun bin Haji Juni.

# Undang-undang, hak wanita selepas perceraian



PEGUAM Syar'ie dari Syarikat Abrahams, Davidson & Co., Awang Haji Mohd. Syazwan Nizar bin Haji Mat Zain dalam ceramahnya menyentuh mengenai hak-hak wanita selepas perceraian.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**SENGKURONG**, Selasa, 12 Mei. - Dalam memberikan kefahaman mengenai undang-undang dan hak-hak wanita selepas perceraian, satu majlis ceramah telah dianjurkan bersama oleh Syarikat Abrahams, Davidson and Co. dengan Ahli Jawatankuasa Jemaah Muslimah Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong dan Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2015.

Majlis Ceramah Guaman yang bertajuk 'Hak-hak Wanita Selepas Perceraian' di dalam Hukum Syara' dan Akta Undang-undang Keluarga Islam, Penggal 217 (AUUKI, P.217)' diadakan di Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong.

Ceramah disampaikan oleh dua orang Peguam Syar'ie dari Syarikat Abrahams, Davidson & Co., Awang Haji Mohd. Syazwan Nizar bin Haji Mat Zain dan Dayang Hajah Safinah binti Haji Salim.

Dalam ceramahnya, Awang Haji Mohd. Syazwan Nizar dan Dayang Hajah Safinah antara lain menerangkan mengenai hak-hak wanita selepas perceraian yang dibahagikan kepada enam perkara, iaitu Nafkah Iddah, Nafkah Anak, Nafkah Tertunggak, Hadhanah, Mut'ah dan harta sepencarian.



ANTARA yang hadir mendengarkan Ceramah Guaman bertajuk 'Hak-hak Wanita selepas perceraian di dalam Hukum Syara' dan Akta Undang-undang Keluarga Islam, Penggal 217 di Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong.

Pengertian Nafkah Iddah itu jelas Awang Haji Mohd. Syazwan Nizar adalah perbelanjaan yang wajib mengenai makanan, pakaian dan tempat tinggal bagi isteri, anak-anak, janda dan orang-orang lain di bawah tanggungan seorang suami atau bekas suami dan mana-mana orang termasuk ibu bapa dan bapa angkat mengikut Hukum Syarak.

Nafkah Iddah tambahnya ialah nafkah yang wajib ke atas bekas suami bagi bekas isterinya yang telah diceraikan dalam masa iddah dengan syarat-syarat tertentu.

Syarat Nafkah Iddah pula jelasnya ialah isteri itu diceraikan secara talak raj'ie (talak yang boleh dirujuk), isteri yang hamil yang ditalak dengan talak bain (tidak boleh dirujuk) berhak juga mendapat nafkah sehingga anak itu lahir, perempuan yang tidak hamil yang diceraikan secara talak baik tidak berhak mendapat nafkah, pakaian dan tempat kediaman serta isteri yang dalam iddah kerana kematian suami tidak berhak mendapat nafkah iddah meskipun ia dalam keadaan hamil.

Beliau seterusnya menjelaskan, nafkah iddah di dalam undang-undang Bab 72 (2), AUUKI, P.217 memperuntukkan bahawa seseorang yang telah diceraikan oleh suaminya boleh atas permohonnya di Mahkamah mendapatkan suatu perintah terhadap bekas suaminya kerana bayaran di dalam iddahnya, jika perceraian itu dengan talak satu atau dua atau pun di dalam tempoh mengandung dengan bekas suaminya sebanyak mana nafkah yang dia boleh berhak menerimanya dan perbelanjaan lain yang munasabah mengikut Hukum Syarak.

Menyentuh mengenai tuntutan nafkah anak, Awang Haji Mohd. Syazwan Nizar berkata, seseorang bapa wajib memberi nafkah untuk anak-anaknya dengan syarat bahawa anak itu belum boleh berdikari yang mana bagi anak perempuan sehingga ia berkahwin atau ia ada pekerjaan; anak itu miskin tidak mempunyai harta sendiri untuk menafkahkannya dan bapa itu mampu memberi nafkah.

Nafkah anak ujarnya ialah apabila anak itu telah baligh dan boleh berdikari maka tidak wajib lagi memberi nafkah untuk anak itu dan begitu juga jika anak itu mempunyai harta sendiri meskipun dia masih kecil maka bapa tidak wajib memberi nafkah kepada anaknya.

Antara tujuan ceramah adalah untuk menyampaikan kepada masyarakat khasnya kepada kaum wanita mengenai dengan hak-hak yang ada di dalam undang-undang dan hukum syarak selepas terjadinya sesuatu perceraian.

Di samping itu, ceramah juga mendedahkan mengenai undang-undang tersebut kepada wanita-wanita bagi mengetahui hak-hak wanita dalam undang-undang berkenaan.



MAJLIS Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman sempena Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-54 Tahun turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat; Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah; Ahli-ahli Komiti Eksekutif Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Komandan-komandan ABDB, Pengarah-pengarah Tentera dan Awam, pegawai-pegawai kanan dan para anggota ABDB.

# Majlis Tahlil sempena Ulang Tahun ABDB Ke-54

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Hamzah Mohiddin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Majlis Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abd. Rahman sempena Sambutan Ulang Tahun ABDB Ke-54 Tahun ini.

Lebih 200 anggota ABDB menyertai majlis yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat; Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah; Ahli-ahli Komiti Eksekutif Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Komandan-komandan ABDB, Pengarah-pengarah Tentera dan Awam, pegawai-pegawai kanan dan para anggota ABDB.

Bacaan Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Penolong Ketua JAMAAT, Kapten Ariffin bin Amit.

Acara Ulang Tahun ABDB disambut pada 31 Mei setiap tahun.

PSC Recruitment recruitment.gov.bn

# IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn**

Syarat-Syarat Am:

A. Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
B. Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
C. Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
D. Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
E. Cara permohonan- rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

## PERATURAN 7(a) BIL. IKLAN 28/05/15

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH TUTUP: 30 MEI 2015**

| | | |
|---|---|---|
| 1. **JURUTERA**<br>**B.2 EB.3**<br>**BAHAGIAN II**<br>JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI<br>JABATAN PERDANA MENTERI<br>KEKOSONGAN = 1 | 2. **PENGAJAR KANAN**<br>**C.3 EB.4-5**<br>**BAHAGIAN III**<br>JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT<br>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN<br>KEKOSONGAN = 1 | 3. **PEGAWAI PENGUATKUASA**<br>**C.2-3 EB.4**<br>**BAHAGIAN III**<br>JABATAN PENGANGKUTAN DARAT<br>KEMENTERIAN PERHUBUNGAN<br>KEKOSONGAN = 2 |

| | |
|---|---|
| 4. **ATACI (PENYELIA PERHUBUNGAN)**<br>**C.1-2 EB.3**<br>**BAHAGIAN III**<br>KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN<br>KEKOSONGAN = 4 | 5. **JURUTULIS JAWI**<br>**C.1-2 EB.3**<br>**BAHAGIAN III**<br>PUSAT DA'WAH ISLAMIAH<br>KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA<br>KEKOSONGAN = 1 |

## PEMBERITAHUAN

**PERUBAHAN TATACARA PENERBITAN IKLAN BAGI PERATURAN 7(A), 38(A) DAN 38(B)**

**Mulai daripada 04 Mac 2015, pengiklanan jawatan kosong sama ada melalui Peraturan 7(A), 38(A) dan 38(B) akan diiklankan secara serentak dan dikeluarkan 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.**

**TATACARA PERMOHONAN BAGI ORANG RAMAI DAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:**

**Penggunaan kali pertama**:

1. Semua pemohon hendaklah mempunyai akaun e-Darussalam. Bagi yang belum mempunyai akaun Darussalam, hendaklah mendaftar akaun e-Darussalam di www.gov.bn. Setelah mendapatkan *username* dan *password* akaun e-Darussalam, pemohon bolehlah mendaftar masuk ke Portal PSC Recruitment.
2. Sila pastikan awda memasukkan e-mel yang betul dan aktif semasa membuat pengesahan di PSC Recruitment.
3. Melengkapkan ruangan 'Profil Saya' (*My Profile*) dan memuatnaik sijil-sijil atau dokumen-dokumen dalam format pdf mengikut peringkat kelulusan atau jenis dokumen.

**Penggunaan Seterusnya**:

1. Awda boleh mengemaskini profil awda pada bila-bila masa, jika perlu.
2. Untuk melihat jawatan yang diiklankan awda boleh memilih 'Carian Pekerjaan' (*Search Job*) atau lihat jawatan 'Atas 5 Kekosongan' (*Top 5 Vacancies)* atau klik 'Carian Lanjutan ' (*Advance Search)* dan bagi membuat permohonan klik 'Pohon' (*Apply*).
3. Panggilan ujian, temuduga atau keputusan permohonan akan dihantar ke e-mel awda melalui PSC Recruitment.
4. Permohonan yang DIHADAPKAN SELEPAS tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.

**PERINGATAN TAMBAHAN KEPADA WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:**

1. Sentiasa memastikan maklumat awda di dalam Rekod Perkhidmatan GEMS adalah tepat dan terkini.
2. Permohonan yang telah dihadapkan akan disalurkan terlebih dahulu secara *online* kepada Pegawai Penghubung atau PoC Kementerian / Jabatan masing-masing.
3. Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimuatnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
4. PoC adalah bertanggungjawab bagi menghadapkan pengesahan atau penolakan bagi pemohon di Kementerian / Jabatan berkenaan.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:
PSC RECRUITMENT: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn
E-DARUSSALAM: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL info@123.com.bn
GEMS: +6732382407 ATAU E-MEL gems.helpdesk@psd.gov.bn
UNTUK MEMBACA MAKLUMAN ATAU SOALAN LAZIM SILA LAYARI: www.spa.gov.bn , recruitment.gov.bn & FACEBOOK Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-Brunei

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

**PENCALONAN BAGI JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT KOMANWEL**

**1. JAWATAN :**

**Political Adviser Caribbean / Pacific Section**

**KEKOSONGAN : 1**

**JABATAN : Political Division**

**PENEMPATAN : London, United Kingdom**

**TARIKH TUTUP : 20 Mei 2015**

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan-jawatan tersebut boleh didapati melalui laman web ***www.thecommonwealth.org/jobs.***

---

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG**

**SURAT KUASA PUSAKA NO. T/LA/12/2015**

**BAHAWA** permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DAYANG AZLINA IZZ ZAHRA BINTI MUHAMMAD SALIM @ AZLINA BINTI SALIM** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pesaka yang dipunyai oleh **SITI ZATUS SYIFA BINTI MALIK @ STE BINTI MALIK** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab itu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah TUTONG pada **30 Mei 2015 pada jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam Harta Pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris **TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 7 Mei 2015

**DK. NORAFIDAH BINTI PG. HAJI BUNGSU**
**B/p Timbalan Pegawai Waris Tutong**
**Negara Brunei Darussalam**

---

**JABATAN ADAT ISTIADAT**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

## NOTIS JUALAN LELONG

1. MENGADAKAN jualan lelong secara tertutup bagi sebuah bas Mitsubishi Rosa 22 seater dengan harga indikasi BND2,000.00. Borang tawaran boleh didapati di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Adat Istiadat negara, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam **mulai pada hari Sabtu, 23 Mei 2015 hingga hari Khamis, 28 Mei 2015** pada waktu pejabat dibuka diberikan secara percuma.

2. Borang-borang tawaran yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar kepada Peti Tawaran Tertutup, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Adat Istiadat Negara, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat pada hari Khamis 28 Mei 2015, jam 2.00 Petang.**

3. Pembeli / pengusaha / syarikat yang berminat bolehlah menghubungi terus ke talian 2243971/2/3 sambungan 25 atau datang untuk membuat penaksiran dengan harga.

**Waktu melihat barang lelongan :**
**Dari jam 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**
**dan dari jam 2.00 Petang hingga 4.00 Petang**
**(pada hari-hari bekerja)**

4. Pembeli / pengusaha / syarikat yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa dua (2) hari dari tarikh menerima makluman. Setelah pembayaran dijelaskan, bas berkenaan hendaklah dipindahkan dari tempat asal pada hari yang sama setelah pembayaran dibuat. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerosakan dan kehilangan ke atas kenderaan berkenaan.

Hanya penender yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.

Lelongan sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.

---

**JABATAN PERBENDAHARAAN**
**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**BILANGAN TAWARAN :**
**JPKK/A/138Q.5/2015**

**TAJUK TAWARAN :**
**KUPON $1.00 LETAK KERETA JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT & SERIA**

**BILANGAN TAWARAN :**
**JPKK/A/138Q.6/2015**

**TAJUK TAWARAN :**
**KUPON $0.50 LETAK KERETA JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT & SERIA**

**BILANGAN TAWARAN :**
**JPKK/A/138Q.7/2015**

**TAJUK TAWARAN :**
**KUPON $5.00, $10.00 & $80.00 LETAK KERETA JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT & SERIA**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang mempunyai lesen perniagaan 16 / 17 dalam bidang yang berkaitan dan diakui masih sah laku.

2. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan jelas serta menggunakan borang yang disediakan dan seterusnya dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapi dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi**
**Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Perbendaharaan**
**Tingkat 2, Tower Block**
**Bangunan Kementerian Kewangan**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

3. Tarikh tutup tawaran adalah pada **hari Isnin, 25 Mei 2015, tidak lewat dari jam 9.00 Pagi**. Mana-mana tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Keterangan lanjut serta borang tawaran boleh diperolehi dari :

**Kaunter Perkhidmatan Pelanggan**
**Jabatan Perbendaharaan**
**Kementerian Kewangan**
**Tingkat 2, Island Block**
**Bangunan Kementerian Kewangan**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menyokong tawaran yang paling rendah.

---

**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**
**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Bilangan Tawaran :**
**MOF/ADM/UFB/CARPET/LVL 15 /A/2015**
**Tajuk Tawaran 1 : THE SUPPLY AND INSTALLATION OF NEW CARPET TILES FOR PERMANENT SECRETARY OFFICE AT QUADRANT A, LEVEL 15, TOWER BLOCK MINISTRY OF FINANCE BUILDING COMMONWEALTH DRIVE**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan berpengalaman khusus dalam pembekalan dan pemasangan karpet.

2. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada **Unit Fasiliti Bangunan, Bahagian Pentadbiran, Tingkat 15 - Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu bekerja.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Negara**
**Kementerian Kewangan**
**Peti Tawaran, Tingkat 15**
**Bangunan Kementerian Kewangan**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

4. Tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Sabtu, 23 Mei 2015**. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

6. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

**Bilangan Tawaran :**
**MOF/ADM/UFB/CARPET/LVL18 /A/2015**
**Tajuk Tawaran 1 : THE SUPPLY AND INSTALLATION OF NEW CARPET TILES FOR CONFIDENTIAL SECRETARY OFFICE AT QUADRANT A, LEVEL 18, TOWER BLOCK MINISTRY OF FINANCE BUILDING COMMONWEALTH DRIVE**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan berpengalaman khusus dalam pembekalan dan pemasangan karpet.

2. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada **Unit Fasiliti Bangunan, Bahagian Pentadbiran, Tingkat 15 - Tower Block, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu bekerja.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Negara**
**Kementerian Kewangan**
**Peti Tawaran, Tingkat 15**
**Bangunan Kementerian Kewangan**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

4. Tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Sabtu, 23 Mei 2015**. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling tinggi atau lain-lain tawaran.

6. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**KENYATAAN TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**
**13/MAY/2015/KKBS/PJK/16.66**

**TAJUK TAWARAN : INSTALLATION OF NEW ANTI-CLIMB FENCE TO EXISTING FENCING AT KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN BELIMBING SUBOK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai Sijil Pendaftran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan yang sah dalam kategori kerja KA01 & B01 - Kleas II & III.

2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

3. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

4.Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada pegawai penyelia kerja dari Unit Pengurusan Estet, Tingkat Bawah Tanah (Basement Level), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam

5.Yuran Tawaran adalah **BND10.00** sahaja bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah *(bona-fide tender)*.

6. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi *(sealed)* dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**

7. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran** yang disediakan dan dialamatkan kepada :

**Tingkat 1, Ruang Masuk / Penyambut Tetamu**
**(depan kaunter sekuriti)**
**Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110**
**Negara Brunei Darussalam.**

<u>**Tidak lewat 26hb Mei 2015**</u>
<u>**jam 2.00 Petang, hari Selasa**</u>

8. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

9. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Sabtu, 23 Mei 2015, jam 11.00 pagi.**

10. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. **Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.**

11. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat / pemborong yang mengambil bahagian adalah dikehendaki untuk menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan dan Sijil-Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

12. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah disertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 12) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 6 ).

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

14. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan gari pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997). dengan lengkap hendaklah disertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 12) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 7).

14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

15. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).

## JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**KELAS II, III, IV DAN V KATEGORI KPB 12 ATAU 5F (Landscaping Works)**

**Tarikh Buka Tawaran pada : 12 Mei 2015 (Selasa)**
**Tarikh Tutup pada : 26 Mei 2015 (Selasa)**
**Jingga Jam : 2.00 Petang**
**(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah**
**Bangunan Kementerian Pembangunan**
**Lapangan Terbang Lama Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam)**

<u>**JASTRE / BTR / T011 / 2015**</u>

**LANDSCAPE MAINTENANCE TO SERASA BEACH FOR A PERIOD OF TWO (02) YEARS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NO. PROJEK : JASTRE / BPTR / T011 / 2015**

**JUMLAH YURAN TAWARAN : BND30.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**KELAS II, III, IV DAN V KATEGORI KPB 12 ATAU 5F (Landscaping Works))**

**Tarikh Buka Tawaran pada : 12 Mei 2015 (Selasa)**
**Tarikh Tutup pada : 26 Mei 2015 (Selasa)**
**Jingga Jam : 2.00 Petang**
**(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah**
**Bangunan Kementerian Pembangunan**
**Lapangan Terbang Lama Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam)**

<u>**JASTRE / BTR / T012 / 2015**</u>

**LANDSCAPE MAINTENANCE TO MUARA BEACH FOR A PERIOD OF TWO (02) YEARS, DAERAH BRUNEI MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**NO. PROJEK : JASTRE / BPTR / T012 / 2015**

**JUMLAH YURAN TAWARAN : BND30.00**
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

## JABATAN BANDARAN TUTONG
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**

**TAJUK TAWARAN :**
**MEMBEKAL DAN MEMASANG ALAT PENGHAWA DINGIN DI JABATAN BANDARAN TUTONG**
**BILANGAN TAWARAN :**
**JBT/S/01/2015-2016**
**TARIKH TUTUP TAWARAN :**
**RABU, 3 JUN 2015 JAM 2.00 PETANG**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup tanpa menunjukkan identiti pengirim.
3. Pada bahagian atas sampul surat berkenaan hendaklah ditulis Bilangan Tawaran serta Tarikh Tutup Tawaran.
4. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftran Syarikat, Salinan Sijil perniagaan (Business Names of Enactment Section 16 & 17 atau List of Directors) dan Salinan Kad pengenalan.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN bertempat di Aras Bawah, Jabatan Bandaran Tutong, Bangunan Jabatan-Jabatan kerajaan, Bukit Bendera, Daerah Tutong dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI**
**JAWATANKUASA MENELITI TAWARAN DAN SEBUT HARGA,**
**JABATAN BANDARAN TUTONG**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

6. Borang tawaran boleh didapati di Kaunter Bahagian Kewangan, Jabatan Bandaran Tutong, Aras Bawah, Jabatan Bandaran Tutong, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Daerah Tutong.
7. Mana-Mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran tidak akan dilayan.
8. Yuran tawaran sebanyak BND2.00 hendaklah dijelaskan semasa mengambil borang tawaran dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan jika sekiranya syarikat yang turut serta tidak berjaya dalam tawaran tersebut.

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**MAKLUMAN**

**TARIKH TUTUP IKLAN DILANJUTKAN DAN PERUBAHAN YURAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN SEPERTI TAWARAN-TAWARAN DI BAWAH INI**

<u>**TAWARAN**</u>

| BIL TAWARAN | KETERANGAN | YURAN TAWARAN | TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang |
|---|---|---|---|
| KK/30/2015 (ESTET)(RKN) | MENGUBAHSUAI DAN MENAIKTARAF WAD 2 (PAEDIATRIK) UNTUK DIJADIKAN WAD REHABILITASI, ARAS BAWAH, BLOK 1, HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)<br><br><u>Kelayakan Pemborong/ Pembekal:</u><br>Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan<br><br><u>Kelas:</u> III dan keatas <u>Kategori:</u> B01 | $50.00 | 26/05/2015 |
| KK/31/2015 (ESTET)(RKN) | MENGUBAHSUAI WAD 18 KEPADA *SUB-ACUTE* WAD, TINGKAT 2, BLOK 3, HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)<br><br><u>Kelayakan Pemborong/ Pembekal:</u><br>Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan<br><br><u>Kelas:</u> III dan keatas <u>Kategori:</u> B01 | $50.00 | 26/05/2015 |
| KK/32/2015 (ESTET)(RKN) | MENGUBAHSUAI DAN MENAIKTARAF WAD 3 & PAEDIATRIC ONCOLOGY UNTUK DIJADIKAN TAMBAHAN WAD AKUT PERUBATAN (AMU) DAN HIGH DEPENDENCY UNIT, ARAS BAWAH, BLOK 2, HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS)<br><br><u>Kelayakan Pemborong/ Pembekal:</u><br>Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan<br><br><u>Kelas:</u> III dan keatas <u>Kategori:</u> B01 | $50.00 | 26/05/2015 |

**INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KURSUS PENDEK KECANTIKAN**

DIMAKLUMKAN bahawa kursus-kursus pendek kecantikan kini dibukakan kepada orang ramai yang berminat.

Antara kursus-kursus yang ditawarkan :-

*** SOLEKAN ASAS**
*** BASIC FACIAL**
*** SOLEKAN PENGANTIN**
*** FACE PAINTING**
*** PEDICURE & MANICURE**
*** UKIRAN HENNA**

**INFO 1**
Bagi Kursus :
*** SOLEKAN ASAS**
*** BASIC FACIAL**

Menghantar borang dan membuat pembayaran terus bagi siapa yang berminat tidak **14 Mei 2015.**

**INFO 2**
Bagi Kursus :
*** SOLEKAN PENGANTIN**
*** FACE PAINTING**
*** PEDICURE & MANICURE**
*** UKIRAN HENNA**

**Nota : Tiada pembayaran perlu dibuat pada masa ini dan tarikh tutup menghantar borang tidak lewat 28 Mei 2015.**

**Jika berminat, sila ambil borang bertempat :**
**BAHAGIAN PENDIDIKAN KOMUNITI**
**Simpang 347, Jalan Pasar Baharu Gadong**
**Institut Pendidikan Teknikal Brunei**
**Kementerian Pendidikan**

**Untuk keterangan lebih lanjut, sila hubungi :**
**Dayang Nurul Ain binti Haji Dali di talian 2422493 sambungan 208**

---

**JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS TAWARAN**
**JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Adat Istiadat Negara, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat 2.00 Petang hari Selasa, 19 Mei 2015 bagi :**
**"MEMBERSIHKAN BANGUNAN LAPAU, DEWAN PERSANTAPAN LAPAU, TANDAS-TANDAS DI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN DAN JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SELAMA 2 TAHUN 2016 - 2017".**

Butir-butir lanjut bolehlah didapati di Jabatan Adat Istiadat Negara pada bila-bila masa waktu bekerja.

Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang tertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat mestilah ditanda dengan perkatan **"MEMBERSIHKAN BANGUNAN LAPAU, DEWAN PERSANTAPAN LAPAU, TANDAS-TANDAS DI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN DAN JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SELAMA 2 TAHUN 2016-2017"** Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada : -

**Pengerusi**
**Jawatankuasa Sebut Harga**
**Jabatan Adat Istiadat Negara**
**Bandar Seri Begawan**
**Negara Brunei Darussalam.**

Salinan Sijil Pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pintar atau nombor pasport pemilik.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

---

elektrik

**JABATAN PERKHDIMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**
**JPE / LTK / JAN / 019 / 2015**
**Tajuk Kerja :**
**PROVISION OF TECHNICAL ASSISTANCE IN THE MAINTENANCE OF 4 UNIT OF MAN K6 MAJOR MK3 GENERATING SETS AT THE BELINGUS POWER STATION**

**Tarikh Tutup : 2 JUN 2015, (Hari Selasa), jam 2.00 Petang**
**Yuran Tawaran : BND50.00 (tidak dikembalikan)**
Tempat Tutup :
**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**JALAN MENTERI BESAR**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Kelayakan** :
**OPEN TO LOCAL OR INTERNATIONAL, MECHANICAL & ELECTRICAL ENGINEERING COMPANIES WITH SPECIALSED KNOWLEDGE AND EXPERIENCE IN THE MAINTENANCE AND OVERHAUL OF MAN B & W MIRRLESS BLACKSTONE K6 MAJOR MK3 DIESEL ENGINE GENERATORS.**
Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian Perdagangan Tingkat Satu (1) Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

**PERHATIAN :**
**SILA BAWA SALINAN SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN) SEMASA MENGAMBIL DOKUMEN DARI KAUNTER UNIT PENDAFTARAN TINGKAT 1, JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PERDANA MENTERI.**

---

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**BIL. SEBUT HARGA KETERANGAN**
**BIL. SEBUT HARGA :**
**KHEU / JPI / JKS / 04 / 2015 - 2016**
**KETERANGAN : Membekal Dan Menghantar Tambahan Buku-Buku Teks Bagi Keperluan Ma'had Islam Brunei, Tutong, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1436H-1437H / 2015M - 2016M**
**BAYARAN DOKUMEN :**
**Tidak dikenakan sebarang Bayaran**

**PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA**
**SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar berdaftar dan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan atau syarikat-syarikat swasta yang berhubungkait dengan Kerajaan seperti Brunei Shell Petroleum (BSP), Cold Gas (LNG), Royal Brunei Airlines (RBA) dan seumpamanya tidak akan diterima.

3. Borang Sebut harga bolehlah diperolehi di :-
**Bahagian Kewangan**
**Jabatan Pengajian Islam**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**
**Tingkat 4, Blok 2 I**
**Jalan Ong Sum Ping**
**Bandar Seri Begawan, BA1311**
**Negara Brunei Darussalam.**

Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 serta COP SYARIKAT** semasa mengambil Borang Sebut Harga tersebut.

4. Pemohon hendaklah menggunakan **BORANG ASAL** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

5. Setiap Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan di Cop Syarikat dengan menggunakan pen / dakwat berwarna **BIRU** sahaja.

6. Bagi syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berminat untuk mengikuti sebut harga ini hendaklah menyertakan dan menghadapkan **SALINAN SIJIL PENDAFTARAN 16 & 17** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

7. Borang Sebut Harga serta salinan dan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat biasa yang tertutup (*sealed envelope*) dengan menulis, **TAJUK & BILANGAN SEBUT HARGA DAN TARIKH TUTUP** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pemborong.

8. Setiap satu Borang Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat.

9. Dan hendaklah dikembalikan dan dimasukkan kedalam **PETI SEBUT HARGA** yang ditujukan kepada :-
**PENGERUSI**
**Jawatankuasa Sebut Harga**
**Tingkat 1, Bahagian Kewangan**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama**
**Jalan Menteri Besar, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

**TARIKH TUTUP tidak lewat pada :-**
**Hari Rabu, 2 Sya'ban 1436H / 20 Mei 2015M, tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**10. TARIKH AKHIR MENGAMBIL Borang Sebut harga adalah pada :-**
**Hari Khamis, 25 Rejab 1436H / 14 Mei 2015M, tidak lewat jam 4.00 Petang.**

11. Borang Sebut Harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

12. Berikut adalah masa-masa bagi mengambil Borang-borang Sebut Harga :-

**HARI DAN MASA**
**ISNIN hingga KHAMIS; dan SABTU**
**8.00 Pagi 11.30 Pagi**
**2.00 Petang 4.00 Petang**

## UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :-

**JAWATAN : JURUTERA KERJA**
**TANGGA GAJI : B.3**
**($3,880.00 - $4,240.00)**
**KEKOSONGAN : 1 ORANG**
**JABATAN : UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :**

a. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

b. i) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam atau Kejuruteraan Mekanikal atau Kejuruteraan Bangunan atau Kejuruteraan Struktur yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ii) Sedang berkhidmat di Universiti Brunei Darussalam sebagai Jurutera dalam tangga gaji B.2 EB.3 / B.2 tidak kurang dari lima (5) tahun.

**ATAU**

iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Jurutera atau jawatan berkaitan dalam bidang kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Mekanikal atau Kejuruteraan Bangunan atau Kejuruteraan Struktur dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari enam (6) tahun.

c. Menjadi ahli Institution of Civil Engineers United Kingdom (MICE) / Institution of Mechanical Engineering (MIEng) dari Institusi-Institusi Professional yang diiktiraf adalah kelebihan.

d. Berkebolehan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

e. Memenuhi syarat-syarat lain yang berkuatkuasa pada masa ini.

f. Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat dari ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB** :

a. Membantu Ketua Estet dalam pentadbiran, perancangan, pengurusan dan pemeliharaan bangunan-bangunan.

b. Membuat reka bentuk bangunan, dokumen tawaran, menawarkan, mengendalikan dan memantau projek-projek *departmental* dan *development* Universiti Brunei Darussalam daui peringkat awal *sketch design*, *preliminary, working drawing* hingga ke peringkat penawaran dan perlaksanaan.

c. Memahami pentadbiran kontrak dan memastikan projek yang di bawah jagaan berjalan dengan teratur dari segi kontrak dan pentadbirannya seperti:-

i. Memproses perubahan pesanan, iaitu *variation order*

ii. Lanjutan masa *extension of time*

iii. Memastikan pembayaran kepada konsultan, kemajuan kerja dan lain-lain.

d. Membuat peraturan dan perancangan yang berkesan serta penyeliaan bagi semua kerja pemeliharaan, rawatan baikpulih dan kerja-kerja pemeliharaan berjadual.

e. Bertanggungjawab dalam membuat perhubungan dwengan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain mengenai perkembangan pembangunan dan perancangan.

f. Lain-lain tugas seperti yang diaturkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN**

Borang P1 serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang permohonan yang telah diisikan dengan lengkap beserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan tidak lewat pada hari **Sabtu, 6 Jun 2015** ke alamat berikut :

**PENDAFTAR & SETIAUSAHA**
**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**
**JALAN TUNGKU LINK**
**GADONG BE1410**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
**(UP : BAHAGIAN PENTADBIRAN)**

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut dokumen-dokumen yang telah lengkap seperti berikut :

**1) SATU LAPORAN SULIT**
**2) SALINAN PRESTASI BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN (SEKURANG-KURANGNYA SANGAT BAIK)**
**3) SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG TELAH DIKEMASKINIKAN.**

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temuduga.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

### BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

### Application Requirements For Site Staff Building and Maintenance Section, Ministry of Religious Affairs

MINISTRY of Religious Affairs (MORA) is inviting suitably qualified candidates advantages citizen of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam to apply for employment in various field as a Site Staff. Candidates pursued will be those with exacting key competencies and behaviors and able to meet the challenges in MORA's performance culture. MORA career opportunities exist in a number of areas of professional expertise and roles :

1. **Mechanical & Electrical Engineer (Salary Scale - B$1,975.00 - B$3,640.00 (B2 - B3)** - Candidates must possess at least a Degree in Mechanical & Electrical Engineering of equivalent from accredited universities. Having other qualifications, accreditations and good field experience is an advantage.

2. **Draughtsman (Building / Structure / Electrical) ( Salary Scale - B$1,200.00 - B$1,410.00 (D5 - D6) -** Candidates must possess at least a Diploma in Draftsmanship (Building/Structure / Electrical) or equivalent from accredited colleges. A minimum of three (3) years field experience. Having other qualifications and accreditations is an advantage.

The key competencies and behaviour required :

1. Able to work with minimal supervision
2. Enthusiastic and performance - oriented
3. Highly discreet with confidential information
4. Excellent analytical skills and detail conscious
5. Ability to contribute ideas and demonstrates initiative and flexibility
6. Able to operate effectively in a team, contributing positively to team operations and working relationship
7. Work well under pressure
8. Meeting strict deadlines
9. Most possess a good language proficiency (writing & verbal).
10. Negotiation Skills.
11. Having prior work experience would be an added advantage.Successful candidates will be appointed initially on a three (3) years term contract basis. Renewal will be subject to mutual agreement. The applicants are requested to furnish details of their qualification and experience and recent photograph (non-returnable) along with their applications form.

Application form is obtainable from :

* Ministry of Religious Affairs Official *Website* **www.kheu.gov.bn.**

* Recruitment Secretariat, Level 3, Ministry of Religious Affairs, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam.

* Recruitment Secretariat, Building and Maintenance Section,Ministry of Religious Affairs, Block A, Bangunan Perdagangan BaitulMal, Jalan Kota Batu BD1517, Negara Brunei Darussalam.

The post applied for shall be clearly marked on the envelope and addressed to :

**UNIT PENTADBIRAN**
**BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**
**Block A**
**Bangunan Perdagangan BaitulMal**
**Jalan Kota Batu, BD1517**
**Negara Brunei Darussalam.**

Completed application form must be returned to the above address **not later than SATURDAY, 13th JUNE 2015M, 4.30 Pm**

**Note : Only shortlisted candidates will be notified for interview.**

## JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

**JABATAN AUDIT**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN : AUD/PKB/Q&T/2015/03**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas II atau III, Kategori 2 dan / atau 4 (a) untuk :

**KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN TINGKAT 2 DAN TINGKAT 4, BLOK 'A' BANGUNAN BAHIRAH**

2. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada :

**Pengerusi**
**Lembaga Tawaran Kecil**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Bandar Seri Begawan BA1311**
**Negara Brunei Darussalam.**
**(Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil Jabatan Perdana Menteri)**

**tidak lewat dari hari Selasa, 19 Mei 2015, jam 2.00 Petang.**

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

4. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di perenggan / paragraf 2 dengan menurut arahan yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

5. Dokumen tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Fasiliti Bangunan (PKB), Jabatan Audit di Tingkat 6, Blok B, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat dibuka sehingga hari **Isnin, 18 Mei 2015.**

6. Yuran tawaran *(tender fee)* sebanyak BND50.00 tunai adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayarannya hendaklah dibuat di Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Fasiliti Bangunan (PKB), Jabatan Audit di Tingkat 6, Blok B, Bangunan Bahirah dengan menghadapkan Sijil Pendaftaran Syarikat / Perniagaan dan Sijil (asal) Pendaftaran Pemborong yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.

7. Dokumen tawaran akan diberikan hanya setelah pemborong mengemukakan resit bayaran yuran tawaran, Sijil Pendaftaran Syarikat, Sijil (asal) Pendaftaran di Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori yang ditetapkan dan salinan sijil-sijil pendaftaran tersebut kepada Unit Kontrak Pembinaan, Jabatan Audit.

8. Tawaran yang dihadapkan mesti sah bagi tempoh sekurang-kurangnya 120 hari selepas tarikh tutup tawaran.

9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS III, IV & V DI BAWAH KATEGORI M01 SAHAJA

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : 19 MEI 2015 (SELASA)
TARIKH TUTUP PADA :
HARI SELASA PADA : 2 JUN 2015 (SELASA), HINGGA JAM 2.00 PETANG

BIL : JKR/DME/15/BPB/2015
TERM CONTRACT FOR AIR-CONDITIONING MAINTENANCE WORKS DOR GOVERNMENT BUILDING IN KUMPULAN 11B AT TUTONG DISTRICT FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS
NO PROJEK : AM 013/15
JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS IV & V DI BAWAH KATEGORI : KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : 6 MEI 2015
TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM 3.30 PETANG, HARI SELASA, 19 MEI 2015
TARIKH TUTUP TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG, HARI SELASA, 26 MEI 2015

BIL : JKR/DOR/SRC 10/2015
NAMA PROJEK: PEMBINAAN JALAN PENGHUBUNG JERUDONG -TUNGKU FASA II -KERJA-KERJA PENSTABILAN CERUN DI KAWASAN JALAN PENGIRAN MUDA AL-MUHTADEE BILLAH
JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00( LIMA PULUH RINGGIT SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS II & III DI BAWAH KATEGORI : KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :6 MEI 2015
TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM 3.30 PETANG, HARI SELASA, 19 MEI 2015
TARIKH TUTUP TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG, HARI SELASA, 26 MEI 2015

BIL : JKR/DOR/SRC 11/2015
NAMA PROJEK : PEMBINAAN JALAN PENGHUBUNG JERUDONG - TUNGKU FASA II - PEMASANGAN PAVEMENT REFLECTIVE MAKER DAN KERJA-KERJA MISCELLANEOUS
JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND10.00( SEPULUH RINGGIT SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III & IV DI BAWAH KATEGORI : KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :
6 MEI 2015
TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM 3.30 PETANG, HARI SELASA, 26 MEI 2015
TARIKH TUTUP TAWARAN :TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG, HARI SELASA, 2 JUN 2015

BIL : JKR/DOR/SRC 12/2015
NAMA PROJEK: MENAIKTARAF JALAN KELUAR MASUK BAGI SEKOLAH RENDAH SERASA
JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND50.00 (LIMA PULUH RINGGIT SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS IV & V DI BAWAH KATEGORI : KA01 SAHAJA
TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :
6 MEI 2015
TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM 3.30 PETANG, HARI SELASA, 26 MEI 2015
TARIKH TUTUP TAWARAN : TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG, HARI SELASA, 2 JUN 2015

BIL : JKR/DOR/SRC 13/2015
NAMA PROJEK: PEMBINAAN JALAN PENGHUBUNG DARIPADA JALAN PG MUDA AL-MUHTADEE BILLAH KE TG BUNUT / KATOK
JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND500.00 (LIMA RATUS RINGGIT SAHAJA & TIDAK DIKEMBALIKAN)
E-DOKUMEN : TIDAK ADA

DIBUKAKAN PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III, IV & V DI BAWAH KATEGORI KA01 SAHAJA

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
19 MEI 2015 (SELASA)
TARIKH TUTUP PADA :
HARI SELASA PADA : 2 JUN 2015 (SELASA), HINGGA JAM 2.00 PETANG

BIL : JKR/DTS/11/BKT/2015-T/IV
MENANGANI TANAH RUNTUH DEKAT JALAN PENGHUBUNG DI ANTARA RADAR 'MSSR' DAN TRANSMITTER KM 19.5 JALAN LEBUH RAYA MUARA / TUTONG
NO PROJEK : JKR/BKT/KB/BM1281
JUMLAH YURAN TAWARAN DAN YURAN e-DOKUMEN : BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG- PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS III & IV KATEGORI S01 SAHAJA

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN : Hari Selasa, 26 Mei 2015,
TARIKH TUTUP PADA :
HARI SELASA, 09 Jun 2015
jam 2.00 petang
BIL : JKR/DBSBM007/2015/
KONTRAK PENGGAL DUA BELAS (12) BULAN BAGI PEMOTONGAN RUMPUT DAN KERJA-KERJA PEMELIHARAAN/PENJAGAAN KEBUN BUNGA DI KAWASAN PERUMAHAN KERAJAAN KAMPUNG KIARONG GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
PROJEK : 2015DBSBM/JKR003
JUMLAH TAWARAN : BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KEBANKRAPAN NO. 264 TAHUN 2014**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**

**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Vs**

**SUZIADY BIN JAFAR**

**(BYIC No. 00-258331)**

**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **9 April 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**SUZIADY BIN JAFAR**
No. 11, Simpang 40
Kampung Sungai Akar
Jln Muara BC3915
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 16 Februari 2015

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 April 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **21 Mei 2014, jam 9.30 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 Mei 2014, jam 9.30 Pagi.**

Bertarikh : 27 April 2015

**KEBANKRAPAN NO. 333 TAHUN 2010**

**HSBC FINANCE (B) BHD.**

**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Vs**

**MORNI BIN TAHA**

**(BYIC No. 00-061340)**

**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **21 Mac 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**MORNI BIN TAHA**
Lot 5079 No. 4 Jalan Setia Pahlawan
Kuala Belait KA1931
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 21 Ogos 2010

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **21 Mac 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **20 Mei 2015, jam 2.30 Petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **20 Mei 2015, jam 2.30 Petang.**

Bertarikh : 18 April 2015

**KEBANKRAPAN NO. 263 TAHUN 2014**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BHD.**

**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Vs**

**SUZINA BINTI MOHD HASSAN**

**(BPIC No. 30-205782)**

**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **9 April 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**SUZINA BINTI MOHD HASSAN**
No. 7, Simpang 120-5, Jalan Bedil
Kampung Lambak
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 16 Februari 2015

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 April 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **21 Mei 2015, jam 9.30 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 Mei 2015, jam 9.30 Pagi.**

Bertarikh : 25 April 2015

**KEBANKRAPAN NO. 234 TAHUN 2014**

**HSBC FINANCE (B) BHD.**

**… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen**

**Vs**

**SUFIAN BIN HAJI IBRAHIM**

**(BYIC No. 00-251939)**

**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **28 Mac 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
**SUFIAN BIN HAJI IBRAHIM**
No. 6, Simpang 661-25-32
Jalan Perpindahan Kampung Rataie
Kampung Rataie, Temburong PE2951
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 3 November 2014

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **28 Mac 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **10 Jun 2015, jam 9.00 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **10 Jun 2015, jam 9.00 Pagi.**

Bertarikh : 18 April 2015

**KEBANKRAPAN NO. 155 TAHUN 2014**

**BIBD AT-TAMWIL BHD.**

**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Vs**

**ABD TALIP BIN HAJI BASIR**

**(BYIC No. 00-075161)**

**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **21 Mac 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:
ABD TALIP BIN HAJI BASIR
No. 3, Simpang 6, Jalan Burung Lapas
Bengkurong,
Brunei Darussalam
Tarikh Petisyen : 27 Januari 2015

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **21 Mac 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **20 Mei 2015, jam 2.45 Petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **20 Mei 2015, jam 2.45 Petang.**

Bertarikh : 18 April 2015

Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**KEBANKRAPAN NO. 344 TAHUN 2011**

**HSBC FINANCE (B) BERHAD**

**… Pemiutang / Pemetisyen**

**Vs**

**HIRMAN SHAH BIN MADI**

**(BYIC No. 00-282051)**

**… Penghutang / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 5 November 2011 **telah dibatalkan pada 11 April 2015.**

Nama dan alamat Bankrap :
**HIRMAN SHAH BIN MADI**
Alamat penghutang :
No. 26, Jalan 26
Perumahan Kampung Rimba, Gadong
BE3319
Negara Brunei Darussalam.
**Bertarikh : 20 April 2015**

**KEBANKRAPAN NO. 85 TAHUN 2002**

**HONGKONG AND SHANGHAI BANKING CORP. LTD.**

**… Pemiutang / Pemetisyen**

**Vs**

**HJH FATIMAH O.K.SERI UTAMA HJ BASAH @ BASHAH**

**(K.P Brunei No. 00-035584 - Kuning)**

**… Penghutang / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN PERINTAH PENERIMAAN DAN NOTIS PELEPASAN / PEMBATALAN PERINTAH PENGHUKUMAN**

Sila ambil perhatian

a. Bahawa **Perintah Penerimaa**n dan **Perintah Penghukuman** yang dibuat terhadap Penghutang **telah dilepaskan / dibatalkan pada 26 Februari 2015.**

Nama dan alamat Bankrap :
**HJH FATIMAH O.K.SERI UTAMA HJ BASAH @ BASHAH**
Alamat penghutang :
No. 57 Jalan 31, Perumahan Negara Lambak Kanan, Berakas BC2915
Negara Brunei Darussalam.
**Bertarikh : 27 Mac 2015**

**NOTIS MENGENAI DIVIDEND TERAKHIR**

Nama Penghutang : **ISMAIL BIN DUHAI (BYIC No. 00-050925)** Alamat: No. 27, Simpang 145, Jalan 11, Perumahan Kampung Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam Mahkamah -Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Nombor - Kebankrapan No. 105 tahun 2008, Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100.00 sen Pertama atau Terakhir atau selainnya Bila Kena dibayar - 14 Jun 2015 - Di mana kena bayar - Pejabat Pegawai penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Raja isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEND PERTAMA**

Nama Penghutang: **PG. HAJAH SITI NORASHIKIN BTE PG. SHAHBUDIN (00-119377)** Alamat : SSS2E, Flat Lumut Lunting, Jalan Maharaja Lela Batu 1, Jalan Tutong, Bandar Seri Bewgawan, BE1712, Brunei Darussalam Mahkamah - Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam Nombor - Kebankrapan No. 91 - 2006 Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 55 sen Pertama atau Terakhir selainnya - Pertama Bila Kena dibayar - 23 Jun 2015 Di mana kena bayar - Pejabat Pegawai penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**KEBANKRAPAN NO. 71 TAHUN 2014**

**BAIDURI BANK BERHAD**

**… Pemiutang / Pemetisyen**

**Vs**

**NG CHOON LEONG @ WEE CHONG LEONG (Kad Pengenalan Brunei No. 30-087126 - Ungu)**

**… Penghutang / Penentang**

**NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yaang pada **26 Mac 2015.**

Nama dan alamat Bankrap :
**NG CHOON LEONG @ WEE CHONG LEONG**
No. 6, Simpang 31
Jalan Ban 2A, Kampung Kilanas
Negara Brunei Darussalam.
**Tarikh Permohonan : 31 Januari 2015**

b. Semua Siputang kepada Bankrap yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukit Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 18 Oktober 2014

**SYARIKAT-SYARIKAT (PENGGULUNGAN) NO. 10 TAHUN 2014**

**DALAM PERKARA AKTA SYARIKAT, BAB 39 DAN DALAM PERKARA MUNAN SDN. BHD.**

**NOTIS PERINTAH PENGGULUNGAN**

Nama Syarikat : MUNAN SDN. BHD.
Alamat Pejabat Berdaftar : No. 12, Block B, 1st Floor, Abdul Razak Complex, Gadong BE3519, Brunei Darussalam.
Tarikh Perintah penggulungan : 26 Februari 2015

Tarikh dan Tempat perjumpaan : 9.00 Pagi, di Pejabat pegawai Rasmi, Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri pengiran Anak Saleha Negara Brunei Darussalam.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Brunei Darussalam**

ڤرادوان منوليس كارڠن، چرڤين، كريتيكن سسترا دان رنچانا عموم ٢٠١٥

# PERADUAN MENULIS KARANGAN, CERPEN, KRITIKAN SASTERA DAN RENCANA UMUM 2015

**PERADUAN MENULIS KARANGAN MAJALAH *MEKAR* (KATEGORI A)**
Terbuka untuk pelajar sekolah rendah Tahun 4, 5 dan 6.

| | |
|---|---|
| PERTAMA | $300.00 |
| KEDUA | $250.00 |
| KETIGA | $200.00 |
| SAGU HATI | $100.00 * |

* Tertakluk kepada jumlah penyertaan.

**PERADUAN MENULIS KARANGAN MAJALAH *JUARA PELAJAR* (KATEGORI B)**
Terbuka untuk pelajar sekolah menengah bawah Tahun 7, 8 dan 9.

| PENULISAN KREATIF | | PENULISAN NONKREATIF | |
|---|---|---|---|
| PERTAMA | $400.00 | PERTAMA | $400.00 |
| KEDUA | $350.00 | KEDUA | $350.00 |
| KETIGA | $300.00 | KETIGA | $300.00 |
| SAGU HATI | $150.00 * | SAGU HATI | $150.00 * |

* Tertakluk kepada jumlah penyertaan.

**PERADUAN MENULIS KARANGAN MAJALAH *JUARA PELAJAR* (KATEGORI C)**
Terbuka untuk pelajar sekolah menengah atas Tahun 10,11 dan remaja yang berumur14 hingga 18 tahun.

| PENULISAN KREATIF | | PENULISAN NONKREATIF | |
|---|---|---|---|
| PERTAMA | $500.00 | PERTAMA | $500.00 |
| KEDUA | $450.00 | KEDUA | $450.00 |
| KETIGA | $400.00 | KETIGA | $400.00 |
| SAGU HATI | $200.00 * | SAGU HATI | $200.00 * |

* Tertakluk kepada jumlah penyertaan.

**PERADUAN MENULIS CERPEN DAN KRITIKAN SASTERA *BAHANA* DBP 2015**
Terbuka untuk pelajar di peringkat prauniversiti, mahasiswa dan mahasiswi, pencinta sastera, guru-guru dan orang ramai yang berumur 18 tahun ke atas.

| CERPEN | | KRITIKAN SASTERA | |
|---|---|---|---|
| PERTAMA | $1,500.00 | PERTAMA | $2,000.00 |
| KEDUA | $1,250.00 | KEDUA | $1,500.00 |
| KETIGA | $1,000.00 | KETIGA | $1,000.00 |
| SAGU HATI | $ 500.00 x 5 | SAGU HATI | $ 700.00 x 5 |

**PERADUAN MENULIS RENCANA UMUM 2015**
Terbuka untuk warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur 17 tahun ke atas pada atau sebelum tarikh tutup penyertaan.

| | |
|---|---|
| PERTAMA | $2,000.00 |
| KEDUA | $1,500.00 |
| KETIGA | $1,000.00 |
| SAGU HATI | $ 700.00 * |

* Tertakluk kepada jumlah penyertaan.

**TARIKH TUTUP PENYERTAAN:**

HARI ISNIN, 31 OGOS 2015
(KARANGAN, CERPEN DAN KRITIKAN SASTERA)

HARI KHAMIS, 31 DISEMBER 2015
(RENCANA UMUM)

PUKUL 4.00 PETANG

## INGIN IKUT SERTA?

DAPATKAN BORANG PENYERTAAN DALAM MAJALAH *MEKAR*, *JUARA PELAJAR*, *BAHANA* DAN JURNAL *BERIGA*.

Mekar | Juara Pelajar | Bahana | Beriga

UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI:

URUS SETIA
PERADUAN MENULIS KARANGAN, CERPEN, KRITIKAN SASTERA DAN RENCANA UMUM 2015
BAHAGIAN SASTERA, MAJALAH DAN JURNAL
TINGKAT 3, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
JALAN PEMBANGUNAN,
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TELEFON: 2382511
sambungan
137, 139, 140, 143, 144, 145, 148, 162 dan 221

FAKS: 2381817

majalahdbp@hotmail.com

Majalah DBP, Brunei Darussalam

# Institusi keluarga penting

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman (kanan) hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Hari Keluarga Pengakap.

**SUNGAI LIANG,** Ahad, 10 Mei. - Kepentingan institusi keluarga adalah antara yang ditekankan oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah Belait, Skip Haji Mohd. Salleh bin Haji Ahmad, selaku Pengerusi Bersama Majlis Hari Keluarga Pengakap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) yang berlangsung di Pantai Kampung Sungai Liang.

Institusi keluarga penting dalam pembentukan sebuah masyarakat dan negara yang berintegrasi tinggi diibaratkan sebagai tiang aras kepada sebuah rumah untuk berdiri tegap dan megah. Kekukuhan institusi tersebut bakal mampu melahirkan masyarakat sejahtera dan cemerlang, berdaya maju serta berdaya tahan.

Di samping menggalakkan ibu bapa dan anak-anak meluangkan masa bersama ahli keluarga dalam mengukuh dan meningkatkan kesejahteraan, acara Hari Keluarga itu juga bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim dengan agensi-agensi luar dalam mengungkayahkan aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat.

Acara bertema 'Warga Pengakap Generasi Berwawasan' itu dihadiri lebih 100 orang dengan beberapa acara menarik telah dimuatkan termasuk sukan ria, persembahan muzik tradisional, pameran dan bazaar jualan.

Majlis turut menyaksikan Pelancaran Tabung Bantuan Kemanusiaan Mangsa Bencana Gempa Bumi di Nepal bagi Persekutuan Pengakap yang dilancarkan oleh tetamu kehormat.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman dan isteri.

Turut hadir ialah Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Dr. Haji Idris bin Haji Abas dan Datin; Penghulu Mukim Liang, Haji Abdul Hamid bin Momin, ketua-ketua kampung, para pegawai kerajaan, pemimpin dari beberapa buah persatuan, ahli-ahli pengakap serta penduduk sekitar Kampung Sungai Liang.



ANTARA aktiviti yang diadakan semasa Majlis Hari Keluarga Pengakap.

# Pusat Ehsan terima pelawat

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BENGKURONG**, Selasa, 12 Mei. - Serombongan 14 orang terdiri daripada kakitangan Jurupulih Carakerja Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan lawatan ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Rombongan yang diketuai oleh Dayang Hazel Sharmila dialu-alukan oleh Ketua Unit Pemulihan Fizikal Pusat Ehsan, Awang Neol Mendiola yang juga memberikan penerangan mengenai pusat tersebut dan sesi soal jawab.

Lawatan itu antara lain bertujuan untuk menambah lagi pengetahuan para kakitangan dan mahasiswi berkenaan dalam Program Pendidikan Khas yang terdapat di pusat tersebut.

Semasa lawatan, rombongan turut menyaksikan tayangan video mengenai aktiviti pusat dan seterusnya mengadakan lawatan ke Unit Pemulihan (Rehabilitation), Kraftangan, ke Kelas-kelas Permulaan (Early), Pertengahan (Middle), Atas (Upper), Pre-Vokasional dan Vokasional.

Pusat Ehsan merupakan sebuah badan amal bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan menyediakan pembelajaran khas yang bermutu, latihan, pemedulian dan perkhidmatan pemulihan anggota kepada insan-insan istimewa di negara ini.

Pada masa ini, seramai 153 orang insan-insan istimewa telah berdaftar dan mengikuti pelbagai program di Pusat Ehsan Bengkurong manakala 53 orang insan-insan istimewa yang berdaftar di Pusat Ehsan Cawangan Kuala Belait.



ROMBONGAN Kakitangan Jurupulih Carakerja dari Hospital RIPAS dan para Pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) bergambar ramai semasa mengadakan lawatan ke Pusat Ehsan di Kampung Bengkurong.

# Tingkatkan kemahiran Juruacara

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ah Chua



PEGAWAI Sumber bagi Bengkel Juruacara Majlis, Pengurus Stesen Radio Televisyen Brunei (RTB) Temburong, Awang Zainuddin bin Haji Ahmad Zaini bersama beberapa orang yang berpengalaman dalam bidang kejuruacaraan, iaitu Dayang Helen Thu dan Awang Haji Ali bin Haji Aji (atas). Manakala gambar bawah, antara peserta yang menyertai Bengkel Juruacara Majlis anjuran RTB di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar.



**TEMBURONG**, Selasa, 12 Mei. - Selain mempunyai suara yang baik dan bersesuaian, seorang juruacara perlu mengawal perjalanan sesuatu majlis atau acara dengan teratur.

Selain itu, kelancaran serta jelas dalam sebutan, di samping mempunyai bakat dan beberapa kriteria lain juga memainkan peranan untuk menjadi seorang juruacara yang boleh diketengahkan.

Ke arah itu bagi meningkatkan kemahiran untuk menjadi seorang juruacara bagi majlis-majlis rasmi, Bengkel Juruacara Majlis telah diadakan di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pekan Bangar di sini.

Seramai 25 peserta mewakili beberapa agensi kerajaan di daerah ini seperti Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Daerah Temburong, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Bomba dan Penyelamat cawangan operasi 'G', Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam serta sekolah-sekolah kerajaan menyertai bengkel berkenaan.

Bengkel dimudahcara oleh beberapa orang yang berpengalaman dalam bidang kejuruacaraan, iaitu Dayang Helen Thu dan Awang Haji Ali bin Haji Aji serta Pengurus Stesen RTB Temburong, Awang Zainuddin bin Haji Ahmad Zaini.

Diadakan selama tiga hari bermula hari ini, para peserta bengkel diberikan pendedahan mengenai peranan serta tanggungjawab seorang juruacara, peranan suara, majlis beristiadat dan terasul, penulisan skrip, rumusan dan penilaian serta latihan amali.

Melalui bengkel yang dikhususkan kepada juruacara sambilan jabatan-jabatan kerajaan dan juga penyiar baru di daerah ini, bengkel diharap akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman asas dalam kalangan peserta bengkel untuk menjadi juruacara majlis, di samping membuat persediaan penulisan skrip untuk menjadi juruacara majlis-majlis rasmi jabatan.

# Pencalonan Anugerah Belia Kebangsaan 2015

**BANDAR SERI BEGAWAN**,Selasa, 12 Mei. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) memaklumkan bahawa Borang Pencalonan bagi Anugerah Belia Kebangsaan 2015 kini boleh didapati di Urus Setia Anugerah Belia Kebangsaan 2015, Tingkat 3, Bahagian Belia, JBS, Bangunan KKBS.

Tahun ini sebanyak empat kategori anugerah akan diberikan semasa Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2015 itu nanti, iaitu Anugerah Persatuan Belia, Anugerah Pemimpin Belia Berjasa, Anugerah Sukarelawan Belia dan Anugerah Belia Cemerlang.

Setiap pencalonan hendaklah mengisikan borang pencalonan yang disediakan dan menghadapkannya semula ke Urus Setia Anugerah Belia Kebangsaan 2015 tidak lewat hari Sabtu, 23 Mei 2015.

Syarat-syarat kelayakkan pencalonan dan borang juga boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi JBS di *www.belia-sukan.gov.bn*.

Maklumat dan keterangan lanjut mengenainya bolehlah menghubungi Urus Setia berkenaan di talian 2381903/4/5 sambungan 1302/1305/1306.

# Jabatan Ukur julang piala Menteri Pembangunan

Oleh: Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod
Foto: Haji Ariffin bin Mohd. Noor

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 11 Mei. - Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan berjaya menjulang piala sumbangan Menteri Pembangunan bagi Kejohanan Bola Sepak 11 Orang Sepasukan selepas menewaskan Jabatan Saliran dan Pembentungan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan jaringan 3 - 0 pada perlawanan akhir yang berlangsung di Padang Belapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan perlawanan kejohanan itu ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Pemain daripada Jabatan Ukur iaitu Md. Hifney bin Hj. Abd. Rahman dan Awang Azamannuddin bin Haji Gillen daripada Jabatan Saliran dan Pembentungan telah dipilih sebagai Pemain terbaik perlawanan.

Sementara itu, Jabatan Saliran dan Pembentungan, JKR telah dipilih sebagai pasukan 'Fair Play' sepanjang kejohanan.

Kejohanan dijalankan secara liga ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan 'A' yang terdiri daripada pasukan Kementerian Pembangunan, Jabatan Ukur, Jabatan Saliran dan Pembentungan dan Jabatan Perkhidmatan Air.

Manakala kumpulan 'B' terdiri dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Jabatan Tanah, Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan Teknikal dan Jabatan Jalan Raya.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan dan sijil penghargaan kepada pengadil perlawanan.

Turut hadir pada acara tersebut ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kejohanan pada tahun ini dikelolakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan.



KEJOHANAN Bola Sepak 11 Orang Sepasukan Kementerian Pembangunan telah dijuarai oleh Jabatan Ukur setelah menewaskan Jabatan Pembentungan dan Saliran dengan jaringan 3 - 0.

# Kejohanan Bola Jaring Sukan Ria Antara Syarikat dirasmikan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Mei. - Sebanyak 13 buah pasukan bertanding bagi merebut kejuaraan pada Kejohanan Bola Jaring Sukan Ria Antara Syarikat 2015 Ke-5.

Kejohanan anjuran Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Negara Brunei Darussalam dan D'Sunlit Sdn. Bhd. itu dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' diwakili oleh Labour Netters, DST Dynamites, Jasra Harrisons, BT Forwarding Company, BIBD Netball Club, BBRC Eccentrics dan DST Slayers.

Manakala Kumpulan 'B' disertai oleh G4S, Yabadabadu, D'Sunlit Sdn. Bhd., Brunei Press, TelBru Netball Team (TNT) dan JPMC.

Isteri Setiausaha Tetap KHEDN, Dayang Hajah Kasma binti Haji Mohiddin merasmikan kejohanan berkenaan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



ISTERI Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dayang Hajah Kasma binti Haji Mohiddin semasa hadir bagi merasmikan Kejohanan Bola Jaring Sukan Ria Antara Syarikat 2015 Ke-5.

Juara akan ditentukan pada perlawanan akhir yang akan berlangsung Rabu ini, 13 Mei 2015 di mana juara akan menerima BND600, piala rebutan, medal berserta piala iringan.

Naib juara pula akan menerima BND400, medal dan piala iringan dan tempat ketiga membawa bersama BND300, medal berserta piala iringan termasuk sijil penyertaan bagi kesemua pasukan yang menyertai kejohanan tersebut.

Sukan Ria Antara Syarikat merupakan kejohanan sukan tahunan yang diadakan bagi meraikan pencapaian ekonomi dan sosial para pekerja dengan mempromosikan cara hidup sihat melalui aktiviti sukan.




AKSI menarik Kejohanan Bola Jaring Sukan Ria Antara Syarikat 2015.

# Empat pasukan mara ke separuh akhir Tarik Kalat Dalam Dewan PSKK

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 8 Mei. - Empat buah pasukan akan berentap di peringkat separuh akhir Perlawanan Tarik Kalat Dalam Dewan Pesta Sukan Kementerian-Kementerian (PSKK) 2015 berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Kementerian Pembangunan akan bertemu Kementerian Pertahanan di peringkat separuh akhir pertama, sementara Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan menentang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) di peringkat separuh akhir kedua.

Johan Kumpulan 1, iaitu Kementerian Pembangunan telah berjaya mengutip 9 mata, manakala naib johan iaitu KHEDN telah mengutip sebanyak 6 mata.

Sementara itu, johan Kumpulan 2, iaitu JPM telah berjaya mendapat 4 mata diikuti dengan naib johan iaitu Kementerian Pertahanan telah mengutip sebanyak 3 mata untuk mara ke peringkat separuh akhir.

Sebanyak sembilan buah pasukan telah menyertai perlawanan tersebut termasuk Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan, KHEDN, Kementerian Hal Ehwal Ugama, JPM dan Kementerian Pertahanan.

Perlawanan peringkat separuh akhir dan penentuan johan akan berlangsung pada hari Sabtu, 9 Mei 2015 di tempat yang sama.



SEBAHAGIAN daripada aksi pada perlawanan tersebut (atas dan bawah).



# Perlawanan Perlumbaan Tamiya berakhir

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 12 Mei. - Perlawanan Perlumbaan Tamiya Brunei dan Tamiya Grandprix Brunei ke Jepun berakhir semalam dengan perlawanan akhir di Dewan Pameran, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Stadium Hassanal Bolkiah Negara, Berakas. Perlawanan Perlumbaan Tamiya Brunei dan Tamiya Grandprix Brunei ke Jepun diadakan sempena Bazaar Amal Kelab Amal Amali.

Dalam kedua-dua kejohanan itu, seramai lebih dari 100 peserta bersaing di litar lumba. Menurut penganjur, pertandingan itu dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Fun dan Kategori Standard Tamiya Original (STO) Semi Speed Rumble.

"Dalam kejohanan Tamiya tersebut, pelumba Tamiya telah dibahagikan kepada tiga pemain. Setiap satu daripada pelumba mesti berlumba sebanyak tiga pusingan perlumbaan dan pelumba mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua hingga tiga kereta Tamiya," kata penganjur.

Di akhir pertandingan, pemenang memenangi hadiah wang tunai, trofi dan hadiah. Selain daripada kejohanan perlumbaan Tamiya, pengunjung bazaar amal adalah dialu-alu dan dihiburkan dengan pelbagai aktiviti menarik, seperti cabaran *busking*, melukis muka, rumah hantu dan gerai jualan.

Bazaar Amal Kelab Amal Amali telah dianjurkan bersama oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan diuruskan bersama oleh Rock Solid Event Management dan DSZ Entertainment. Bazaar itu juga disokong oleh Kelab Amal Amali, Persatuan Nostalgia Automotif Brunei, Brunei Tamiya dan De'Heritage dan Achievers Enterprise.

# Strategi pendidikan utamakan pembelajaran sepanjang hayat



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyaksikan pameran pada Majlis Penutup Cabaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Inovasi Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan Tahun 2015 sempena 100 Tahun Pendidikan Formal di Negara Brunei Darussalam. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Dari muka 1

Menyedari akan hal itu, ujar Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk merangsang minat pelajar dan meningkatkan pencapaian mereka dalam bidang kajian STEM serta meningkatkan kemahiran guru-guru dalam kaedah berorientasikan pengajaran dan pembelajaran subjek STEM dengan berpandukan amalan terbaik antarabangsa dalam pendidikan STEM.

Sudah tentu jelas Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedar bahawa lebih banyak usaha diperlukan untuk meningkatkan lagi pendidikan STEM dan pengambilan mata pelajaran STEM oleh pelajar-pelajar kita dan ke arah ini pihak kementerian turut meninjau amalan terbaik pelaksanaan STEM di negara-negara lain yang ditubuhkan seperti Finland, Amerika Syarikat, Singapura, Hong Kong, Korea, Jepun dan Kanada.

Katanya, usaha-usaha telah giat dijalankan termasuklah penyelidikan dan pembangunan, latihan pembangunan guru-guru, melaksanakan beberapa kerjasama dengan industri dan organisasi antarabangsa dan dalam hal ini Yang Berhormat juga menggesa agar para pemimpin sekolah berusaha untuk menggalakkan lebih ramai pelajar mengambil subjek STEM.

Projek 'Enhancement of Design and Technology Subjects for Government Secondary Schools and Vocational and Technical Institutions' merupakan satu lagi *platform* kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam reka bentuk, bahan, struktur, mekanisme dan kawalan elektronik.

Melalui projek ini jelasnya lagi, Kementerian Pendidikan telah menyediakan beberapa mesin dan perisian Computer Aided Design (CAD) dan Computer Aided Machine (CAM) untuk kegunaan sekolah-sekolah menengah kerajaan bagi menaik taraf mesin reka bentuk dan teknologi yang sedia ada.

Yang Berhormat juga turut menyarankan agar sekolah-sekolah dapat mengoptimumkan sepenuhnya sumber-sumber kemudahan yang disediakan untuk pembelajaran praktikal dan kreatif bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran teknikal dan sains, dan melalui penyertaan F1 in School Initiative ini, terutama melalui Cabaran STEM dan Inovasi Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan ini Yang Berhormat percaya cabaran ini dapat membantu untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi serta meningkatkan kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan para pelajar.

Cabaran STEM dan Inovasi Reka Bentuk Peringkat Kebangsaan merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan untuk mempromosi bidang STEM yang telah berlangsung selama dua hari bermula 13 Mei yang lalu.

Antara objektif cabaran ini diadakan ialah untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang seronok bagi mengembangkan kerjaya dalam bidang Kejuruteraan, Sains, Keusahawanan dan Teknologi.

Acara ini telah disertai oleh sebanyak 16 buah sekolah menengah kerajaan dan institusi teknikal yang telah mengikuti projek 'Enhancement of Design and Technology Subjects for Government Secondary Schools and Vocational and Technical Institutions', di mana projek ini dilaksanakan secara berfasa bermula tahun 2013 dan menjadi landasan bagi pelajar dalam menyertai acara ini.

Cabaran STEM dan Inovasi Reka Bentuk itu juga menghendaki pelajar menggunakan ICT dan mempelajari bidang-bidang ilmu lain secara merentas kurikulum seperti fizik, aerodinamik, reka bentuk, pertukangan, penjenamaan, grafik, tajaan, pemasaran, kepimpinan, kerja berkumpulan, strategi kewangan, dan seterusnya diaplikasi secara praktikal, imaginatif dan kompeten.

Secara tidak langsung acara tersebut menyediakan pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan pada Abad Ke-21, dan para hakim pertandingan terdiri daripada hakim-hakim yang dijemput dari negara Singapura, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Pada acara yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Unit Pengajian Teknologi, Jabatan Perkembangan Kurikulum itu Yang Berhormat selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan hadiah kepada para peserta Cabaran STEM dan kemudiannya melancarkan laman sesawang *f1inschools.moe.gov.bn*.

# Tandatangani MoU pengeluaran makanan halal

Oleh : Haniza Abdul Latif

**JERUDONG,** Khamis, 14 Mei. - Pusat Inovasi Industri Halal, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan Saahtain Food, Dubai, Emiriah Arab Bersatu, menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi menggalakkan kerjasama melalui aktiviti-aktiviti dalam bidang pengeluaran makanan halal yang akan membawa manfaat dan pembangunan ekonomi.

Hadir menyaksikan penandatanganan MoU yang berlangsung di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Menandatangani bagi pihak KPSSU ialah Ketua Pusat Inovasi Industri Halal, Awang Haji Sabri bin Haji Mohd. Taha manakala bagi pihak Saahtain Food, Dubai, diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mr. Adeel Khan.

Penandatanganan MoU yang diadakan semasa Persidangan Pelaburan Makanan dan Biotech Antarabangsa bertujuan antara lain untuk meningkatkan kerjasama antara kedua-dua belah pihak dalam pembangunan pemprosesan dan pengeluaran makanan halal serta kemudahan di dalam Koridor Inovasi-Bio.

Selain itu, ia bertujuan bagi mewujudkan kerjasama dalam pengeluaran makanan halal, menurut undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar-dasar semasa.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa bergambar selepas penandatangan Memorandum Persefahaman bidang pengeluaran makanan halal. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Skim Perkhidmatan Penghulu, Ketua Kampung 2013 dikuatkuasakan 1 April 2015

# Tanda pengiktarafan

Dari muka 1

Oleh itu, skim tersebut jelas Yang Berhormat meliputi perubahan kepada syarat kelayakan akademik, di samping kelayakan kepimpinan, had umur memasuki perkhidmatan dan had umur dalam perkhidmatan.

Menurut Yang Berhormat, dari segi umur, skim baru mensyaratkan calon hendaklah berumur tidak kurang daripada 45 tahun dan tidak lebih 55 tahun bagi dicalonkan untuk jawatan Ketua Kampung dan tidak kurang 45 tahun dan tidak lebih 60 tahun bagi calon Penghulu, yang mana sebelumnya adalah 30 dan 60 tahun bagi calon Ketua Kampung dan 40 dan 60 tahun bagi calon Penghulu.

Dalam hal ini jelas Yang Berhormat, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang baru dilantik akan berkhidmat selama sepuluh tahun, dan ia tertakluk kepada penilaian prestasi bagi perkhidmatan lima tahun pertama.

Setelah sepuluh tahun tambahnya, perlantikan semula adalah melalui proses pencalonan dan pengundian yang diadakan di mana jika terpilih barulah akan dilantik untuk tempoh lima-lima tahun sehingga mencapai umur 70 tahun.

"Tegasnya, prestasi seorang Ketua Kampung dan Penghulu Mukim tidak sahaja akan dinilai oleh Pegawai Daerah. Penduduk kampung dan mukimnya juga akan berperanan menentukan sama ada Penghulu dan Ketua Kampung masing-masing layak meneruskan perkhidmatan setelah sepuluh tahun," terang Yang Berhormat.

Sambil itu dalam waktu yang sama ujarnya, peluang adalah terbuka bagi calon-calon baru untuk tampil menawarkan diri berkhidmat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, penduduk kampung dan mukim pula akan mempunyai pilihan di antara Ketua Kampung dan Penghulu Mukim yang telah diketahui tahap prestasi dan mutu kepimpinan masing-masing dengan calon atau calon-calon baru yang mungkin lebih berkelayakan serta berkebolehan memberikan kepimpinan peringkat akar umbi yang berkesan.

Skim baru ini katanya, juga memperkenalkan jawatan-jawatan Ketua Kampung dan Penghulu yang baru dengan menjadikannya tiga peringkat dengan sukatan gaji yang baru serta pemberian elaun-elaun tetamu, perhubungan dan perjalanan.

Jelas Yang Berhormat, dalam skim baru ini akan ada jawatan Penghulu dan jawatan Ketua Kampung Tingkat III, Tingkat II dan Tingkat I dengan sukatan gaji baru.

Menurutnya, skim baru ini memberikan ruang bagi kenaikan pangkat dalam jawatan Penghulu dan Ketua Kampung yang tiada terdapat dalam skim lama.

Sementara itu, khas bagi jawatan Ketua Kampung ujarnya ia membuka peluang bagi orang yang baru dilantik ke jawatan Ketua Kampung diberikan laluan *direct entry,* jika memenuhi syarat kelayakan akademik dan pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan.

Yang Berhormat berkata, sukatan tangga gaji Ketua Kampung yang pada masa ini setakat C1-2 EB3 menurut skim lama adalah diubah menjadi sebanding C1-2 EB3 bagi jawatan Ketua Kampung Tingkat III; C3-4 EB5 bagi jawatan Ketua Kampung Tingkat II, dan B2 EB3 bagi jawatan Ketua Kampung Tingkat I.

Tambahnya, sukatan tangga gaji jawatan Penghulu Mukim yang pada masa ini setakat C3-EB4 menurut skim lama adalah diubah menjadi sebanding B3 bagi jawatan Penghulu Tingkat III; Kumpulan 3 bagi jawatan Penghulu Tingkat II; dan Kumpulan 2 bagi jawatan Penghulu Tingkat I.

"Perlu disebutkan bahawa perubahan tangga gaji ini adalah menimbang kelayakan-kelayakan akademik yang juga diubah dan ditingkatkan daripada kelayakan-kelayakan akademik dalam skim lama", terang Yang Berhormat.

Dalam pada itu jelasnya, kesemua pemegang jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung 1998 yang lama akan diserapkan ke dalam skim yang baru itu tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat skim baru.

***"PRESTASI seorang Ketua Kampung dan Penghulu Mukim tidak sahaja akan dinilai oleh Pegawai Daerah. Penduduk kampung dan mukimnya juga akan berperanan menentukan sama ada Penghulu dan Ketua Kampung masing-masing layak meneruskan perkhidmatan setelah sepuluh tahun."***



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa berucap pada Majlis Taklimat Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung serta Tatacara Pemilihan dan Pengundian Calon Ketua Kampung. - Foto : Masri Osman.

**SEMBAHYANG PENYELAMAT KITA**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجان، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.